

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III
1997

Bil.31

Hari Rabu

10 Disember

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1998

(Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Rabu, 10 Disember 1997
Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang
D O A
[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA
PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.
[Setiausaha membacakan Perutusan]

“9 Disember 1997.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT
KEPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyampaikan cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya

akan mencadangkan supaya rang undang-undang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
PERKHIDMATAN TRAFIK UDARA, JABATAN PENERBANGAN
AWAM - CADANGAN PENSWASTAAN**

1. **Tuan Charern Intachat** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Perkhidmatan Trafik Udara, Jabatan Penerbangan Awam akan diswastakan kepada Malaysia Airport Berhad (MAB) dan berapakah wang pampasan yang akan dibayar oleh MAB kepada kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah pun memutuskan supaya Perkhidmatan Trafik Udara (Air Traffic Controller Services), Jabatan Penerbangan Awam diswastakan kepada Malaysian Airport Berhad (MAB), dengan ini MAB akan menubuhkan sebuah anak syarikat khas untuk mengendalikan Perkhidmatan Trafik Udara.

Pada ketika ini rundingan mengenai terma-terma penswastaan serta harga konsesi berkenaan sedang dijalankan di antara kerajaan iaitu Economy Planning Unit (EPU) dan MAB. Berasaskan kepada itu, jumlah bayaran oleh MAB kepada kerajaan masih belum selesai dirunding dan dimuktamadkan. Namun demikian, ingin saya memaklumkan kepentingan kerajaan, kepentingan industri penerbangan awam serta pengguna-pengguna perkhidmatan ini iaitu syarikat-syarikat penerbangan tempatan dan asing akan diambilkira dalam rundingan berkenaan.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah lapangan terbang seluruh Malaysia yang ada Perkhidmatan Trafik Udara dan apakah scope of work, dengan izin, mengenai penswastaan tersebut?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Hampir semua lapangan terbang termasuk padang terbang di negara kita mempunyai pegawai kawalan trafik udara, kecuali lapangan terbang atau padang terbang yang dikendalikan oleh pihak Tentera Udara Di-Raja Malaysia, seperti di Kuantan, Labuan, Butterworth, Simpang di Sungai Besi, Kluang dan Lumut.

Dari segi skop kerja-kerja yang akan diambilalih oleh Malaysia Airport Berhad ialah di antara lain melibatkan pengambilalihan perancangan,

pengurusan, penyelenggaraan dan juga peningkatan kawalan trafik udara. Aspek latihan dan persijilan dengan perkataan lain syarikat swasta iaitu MAB akan menubuhkan sebuah kolej penerbangan awam di mana pegawai-pegawai kawalan trafik udara akan dilatih dan skop kerja juga meliputi perkhidmatan perhubungan dan maklumat aeronautics, perkhidmatan maklumat penerbangan, program-program pembangunan lapangan-lapangan terbang pada masa hadapan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diambil alih. Ini semua adalah dirangkumi dalam skop kerja (scope of work) yang akan diswastakan kepada MAB.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui siapa yang mempunyai Malaysia Airport Berhad ini? Siapakah pemegang-pemegang sahamnya dari segi peratusan dan sebagainya, kerana Perkhidmatan Trafik Udara merupakan satu perkhidmatan yang boleh menjaga keselamatan negara. Jadi, kalau sekiranya pemegang-pemegang saham Malaysia Airport Berhad ini tidak berhati-hati, kita amat kluatirlah bagaimana keselamatan negara dari segi mengawasi penerbangan-penerbangan di angkasa kita ini dapat menjamin dari segi tidak ada pencerobohan ke negara kita. Jadi, kalau dapat pihak kerajaan memberitahu kita siapa pemegang saham Malaysia Airport Berhad dan berapakah jumlah aset seperti hartanah kerajaan dan sebagainya yang telah dan akan diserahkan kepada Malaysia Airport Berhad?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, sukacita saya memberitahu iaitu pemegang saham pada keseluruhannya, dipegang oleh Kerajaan Malaysia. Maksudnya MAB adalah salah sebuah syarikat yang dimiliki oleh kerajaan negara kita dan memang kerajaan setuju dan mengakui iaitu Perkhidmatan Trafik Udara adalah cukup mustahak dan penting bagi keselamatan bukan sahaja negara kita, tetapi termasuk penumpang-penumpang penerbangan awam. Oleh yang demikian, kerajaan telah pun mengambilkira fakta ini dan tujuan menswastakan Perkhidmatan Trafik Udara di antara lain ialah meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan berkenaan bagi membolehkan ianya memenuhi keperluan pengguna-pengguna iaitu penumpang-penumpang penerbangan awam yang semakin meningkat. Ini juga dengan secara tidak langsung akan mengurangkan beban kerajaan, tetapi kalau saya ditanya sama ada aset dan liability MAB saya minta notis. Cuma saya hendak memberitahu iaitu pada masa ini semua lapangan terbang yang sedia ada, yang digunakan oleh penerbangan awam di negara kita dimiliki oleh MAB.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, pihak kerajaan mengatakan MAB dan Perkhidmatan Trafik Udara akan diswastakan dan pada masa yang sama dia mengatakan bahawa ia adalah kepunyaan kerajaan. Jadi, saya amat terkeliru dengan kenyataan itu, dengan izin, contradiction in terms. Jadi macam mana perkara ini boleh berlaku? Saya bertanya tadi siapakah pemegang-pemegang saham MAB, kalau semuanya kerajaan macam mana pula menakrifan dari segi penswastakan akan berjalan?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, sebenarnya MAB, walaupun semua saham dipegang oleh kerajaan, ia adalah sebuah entiti dari sudut undang-undang. Maksudnya

walaupun MAB dipegang oleh kerajaan, dimiliki oleh kerajaan, tetapi ia adalah sebuah entiti lain di sudut undang-undang. Walaupun kerajaan memegang saham-saham pada keseluruhan, ia tidak semestinya menjadi sebuah syarikat asing ataupun mempunyai entiti sendiri. Ini adalah peringkat pertama, di mana sebelum sebuah syarikat sama ada hendak memberi kepada pemegang saham yang asing ataupun sesiapa, kerajaan harus menubuhkan sebuah syarikat dahulu. Ini adalah dasar kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah Khazanah?

Tuan Chor Chee Heung: Ya, di bawah Khazanah.

Tuan Yang di-Pertua: Diperbadankan.

Tuan Chor Chee Heung: Diperbadankan dan juga buat masa ini telah menjadi sebuah syarikat yang mempunyai entiti. Memanglah bila kita kata kerajaan itu, Khazanahlah yang memegang saham.

Tuan Yang di-Pertua: Sebuah Khazanah, senang sedikit.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun kita faham bahawa kerajaan akan swastakan apa yang disebutkan tadi. Jadi, soalan saya sejauh mana keuntungan kerajaan dan sebaliknya kerugian jika tidak diswastakan Perkhidmatan Trafik Udara dan Jabatan Penerbangan Awam tersebut?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang kerajaan telah menimbang dan mengambilkira segala fakta-fakta mengenai sama ada sesuatu jabatan akan diswastakan atau

tidak. Selepas mengambilkira semua fakta-fakta dan juga mengenai Perkhidmatan Trafik Udara, kerajaan berpendapat bahawa ia lebih berfaedah jika ianya diswastakan kepada MAB. Jadi, MAB dapat menumpu semua dasar supaya Perkhidmatan Trafik Udara dapat dinaikkan lagi.

Saya percaya kerajaan telah mengambil langkah yang wajar di mana Perkhidmatan Trafik Udara telah pun menjadi satu bidang yang agak penting bagi negara kita dan juga semua Pegawai Kawalan Trafik Udara selepas bidang ini diswastakan akan diserapkan ke dalam syarikat baru. Ini juga akan memberi galakan kepada Pegawai Kawalan Trafik Udara sama ada yang sedia ada ataupun pemohon yang berminat hendak menceburi di dalam bidang ini sebagai Pegawai Kawalan Trafik Udara.

RUANG NIAGA MARA MELEBIHI 10 TAHUN - ARAHAN MEMULANGKAN GERAI

2. Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan adakah kementerian sedar baru-baru ini Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur telah mengeluarkan arahan supaya setiap peniaga yang menyewa ruang niaga MARA melebihi 10 tahun supaya memulangkan kembali gerai tersebut dalam tempoh satu tahun sehingga 31.10.1998 akan datang:

- (a) apakah tujuan MARA berbuat demikian, pada hal setiap peniaga-peniaga tersebut mematuhi peraturan, tidak berhutang sewa dan lain-lain syarat perjanjian dengan MARA; dan
- (b) jika MARA berhasrat hendak mewujudkan lebih ramai peniaga daripada kalangan bumiputera, adakah

kementerian akan membina lebih banyak arked-arked MARA untuk menampung permintaan dan memberi peluang kepada bakal peniaga baru bertapak.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar akan arahan yang telah dikeluarkan oleh MARA seperti yang tersebut selaras dengan keperluan untuk menempatkan lebih ramai usahawan atau peniaga baru, di ruang-ruang niaga MARA yang terhad seluruh negara.

Peraturan ini adalah selaras dengan dasar MARA, di mana konsep penyewaan adalah dalam bentuk nursery ataupun incubator untuk melatih dan membimbing usahawan-usahawan baru. Walaupun peraturan sewaan lama adalah 6 tahun, iaitu tiga tahun awalnya dan disambung tiga tahun seterusnya, tetapi penyewa-penyewa tidak mematuhi peraturan tersebut kerana penguatkuasaannya kurang berkesan. Namun begitu, walaupun peraturan baru ini tegas, tetapi pelaksanaannya boleh disesuaikan mengikut keadaan dengan keutamaan akan diberi kepada peniaga-peniaga yang patuh kepada syarat-syarat sewaan, penyewa-penyewa kecil dan kurang mampu serta mereka yang sukar untuk mendapat tempat khususnya di kawasan-kawasan tertentu dan di bandar-bandar besar.

Tujuan MARA menamatkan penyewaan kepada penyewa-penyewa premis perniagaan yang melebihi 10 tahun adalah untuk memberi peluang kepada usahawan-usahawan baru yang lazimnya kurang berkemampuan dari segi modal serta tidak mampu menyewa premis perniagaan milik swasta yang

mengenakan kadar sewa yang jauh lebih tinggi dari kadar yang ditetapkan oleh MARA. Ianya bukan sahaja meringankan bebanan usahawan tersebut, malah dapat mewujudkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan baru selaras dengan matlamat MARA untuk mewujudkan dan meningkatkan tahap usahawan bumiputera dari masa ke semasa.

Penyewa-penyewa premis perniagaan MARA yang melebihi 10 tahun lazimnya telah pun mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas serta modal yang mencukupi untuk meneroka pasaran terbuka serta berkemampuan untuk membeli ataupun menyewa premis-premis perniagaan selainnya. Jika sekiranya ada di kalangan mereka yang tidak berjaya untuk membeli ataupun menyewa premis perniagaan lain, pihak MARA masih boleh memberi pertimbangan untuk membenarkan mereka meneruskan penyewaan di premis perniagaan MARA untuk tempoh-tempoh tertentu.

Pertimbangan yang diberi adalah berasaskan kepada bukti-bukti yang kukuh dan tulen, yang menyatakan segala usaha telah dibuat tetapi masih gagal untuk memiliki premis perniagaan sendiri ataupun menyewa premis-premis lain. Dasar ini juga adalah selaras dengan tujuan untuk menghapuskan sikap pergantungan peniaga-peniaga bumiputera kepada MARA dan untuk mengubah kerangka pemikiran usahawan bumiputera untuk mengelakan pergantungan yang berterusan kepada pihak MARA.

Pelaksanaan dan pembinaan bangunan-bangunan perniagaan akan diteruskan dari masa ke semasa. Pada penghujung Rancangan Malaysia

Ketujuh sebanyak 61 buah projek bangunan perniagaan dijangka akan dapat disediakan dengan jumlah 1,585 lot dapat disediakan untuk keperluan usahawan bumiputera.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar MARA mempunyai berbagai peranan, latihan, mewujudkan usahawan dan juga antara lain memberi tempat niaga untuk bumiputera. Soalan saya ialah, adakah MARA dalam keadaan ekonomi sekarang dan juga dalam menghadapi pelbagai masalah, dalam pelbagai fungsinya akan dikaji semula untuk menjadi satu agensi yang lebih berfokus dan dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan.

Tuan Idris bin Jusoh: Pihak kementerian dari masa ke semasa mengkaji MARA, peranan-peranannya dan melaksanakan fokus-fokus yang telah ada pada MARA. Pada masa kini MARA memang memberi penekanan kepada bidang:

- (i) pendidikan;
- (ii) kemahiran; dan
- (iii) pembangunan usahawan.

Fokus ini telah wujud sejak MARA ditubuhkan dan ianya masih tidak berubah lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa MARA terpaksa bertindak untuk memberhentikan peniaga-peniaga ini setelah sekian lama

berniaga di situ supaya mereka ini tidak lagi bergantung kepada MARA. Saya hendak dapat maklumat sama ada MARA telah menyeleweng daripada dasar asalnya.

Untuk penubuhan MARA ini sebenarnya kalau kita teliti balik sejarah Bank Bumiputra dan MARA memang mempunyai peranan memegang satu amanah untuk menolong bumiputera, sama ada MARA bercadang untuk membeli gerai-gerai perniagaan daripada pemaju-pemaju swasta yang mendirikan bangunan di tempat-tempat yang lebih strategik. Berniaga ini kalau di tempat yang tidak strategik, tidak ada makna, lebih baik daripada mendirikan bangunan sendiri di tempat-tempat yang berjauhan. Ini lebih strategik daripada apa yang MARA cadangkan.

Kita tahu banyak ruang niaga yang dibuat oleh swasta yang tidak dapat dibeli oleh bumiputera, semata-mata kerana harganya mungkin tinggi ataupun syarat-syaratnya terlalu ketat. Bukankah ini lebih praktikal bagi MARA membeli ruang niaga di bangunan-bangunan yang strategik, yang dibuat oleh pihak swasta dan menyewakan kepada bumiputera yang ingin menyewa daripada mengambil balik tempat yang bumiputera berniaga dan diberi kepada orang lain pula. Yang sudah berniaga pun tidak hidup dan yang baru pula tidak boleh bayar sewa.

Tuan Idris bin Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat. Kedua-dua kita buat sebenarnya. Sebab itu apa yang saya katakan tadi ialah MARA memastikan bahawa mereka yang telah lama di ruang niaga MARA, yang

mampu untuk keluar, misalnya pada hari Ahad yang baru ini saya pergi ke sebuah pekan yang berhampiran dengan Kuala Lumpur ada lagi pengusaha-pengusaha bumiputera yang sudah ada kereta Mercedes, yang masih lagi menyewa premis MARA yang sewanya RM100. Jadi, saya rasa harus mereka lepaskan gerai ini dan diberikan kepada usahawan-usahawan baru yang tidak mampu menyewa premis-premis ini.

Pada minggu yang lalu saya telah menjawab soalan yang sama, di mana seorang usahawan yang sudah mempunyai bangunan empat tingkat bernilai RM1.4 juta, masih lagi berpegang kepada Bazar MARA yang sewanya RM60. Inilah yang ditekankan, mereka yang harus keluar. Walau bagaimanapun, jika mereka yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, yang tidak mampu dan merasakan perlu kepada bangunan itu, mereka bolehlah menulis surat dan pengecualian boleh diberi kes demi kes. Program untuk mengeluarkan dijalankan terus dan program untuk membangunkan kawasan baru juga akan dijalankan.

HAKMILIK STRATA - MEMPERCEPATKAN PROSES

3. Tuan Tee Thiong Hock minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan proses keluaran hak milik strata dan menyatakan sebab-sebab masalah utama berkaitan dengan kelambatan pengeluaran hak milik strata.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Taik]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian untuk mempercepatkan pengeluaran hakmilik strata termasuklah yang berikut:

- (a) pengeluaran Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian mengenai tindakan-tindakan untuk mempercepatkan pengeluaran hakmilik strata. Carta aliran kerja, senarai semakan dan format untuk merekod kemajuan proses permohonan untuk hakmilik strata disediakan untuk kegunaan Pejabat-pejabat Tanah;
- (b) pengeluaran panduan untuk hakmilik strata;
- (c) kursus dan latihan mengenai hakmilik strata;
- (d) ceramah-ceramah dan seminar mengenai hakmilik strata;

- (e) penubuhan Unit Hakmilik strata di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, khususnya di negara-negara yang mempunyai banyak bangunan yang berbilang tingkat;
- (f) khidmat nasihat mengenai hal-hal berkaitan dengan hakmilik strata; dan
- (g) memperkenalkan sistem Prosesan Setempat untuk mempercepatkan pengeluaran hakmilik strata.

Jangka masa yang ditetapkan bagi pengeluaran hakmilik strata adalah 8 bulan 3 minggu (261 hari). Urusan pengeluaran hakmilik strata melibatkan beberapa watak utama iaitu pemaju, Juruukur Tanah Berlesen, Pejabat Tanah, Jabatan Ukur, Pengarah Tanah dan Galian dan Pendaftar Hakmilik Tanah. Setiap watak utama perlu memainkan peranannya untuk memastikan bahawa jangka masa yang ditetapkan dipatuhi dan hakmilik strata dapat dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah dalam pengeluaran hakmilik strata, kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti punca-punca utama bagi kelambatan tersebut. Di antara sebab-sebab utama yang dikenalpasti termasuklah yang berikut:

- (a) permohonan yang dikemukakan tidak lengkap;
- (b) pemaju dan Juruukur Tanah Berlesen lambat mematuhi kehendak Pejabat Tanah/Jabatan Ukur;
- (c) Jabatan Ukur lambat menyemak pelan strata yang dikemukakan dan memberi ulasannya;
- (d) Pengarah Tanah dan Galian lambat menimbangkan permohonan;
- (e) Pemaju lambat menjelaskan bayaran-bayaran kelulusan;
- (f) Juruukur Tanah Berlesen lambat mengemukakan draf Pelan Akui untuk kelulusan Pengarah Ukur; dan
- (g) Pendaftar lambat mendaftarkan hakmilik strata dan mengemukakannya kepada pemohon.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar pihak kerajaan menjawab tadi lambat - lambat - lambat. Jadi, banyak sangat yang lambat mengemukakan perkara-perkara untuk menyelesaikan masalah strata title ini. Itulah sebabnya ekonomi kita ini dan Ringgit Malaysia jatuh sebenarnya, banyak sangat yang lambat untuk mendapatkan duit.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya dapati banyak strata-strata titles yang patut dikeluarkan belum lagi dikeluarkan apabila masa lapan bulan itu sudah habis mengikut undang-undang, mereka ini bolehlah didenda. Tetapi disebabkan masalah-masalah tertentu tadi, seperti Jabatan Tanah - lambat, Juruukur Tanah Berlesen - lambat, JKR - lambat, Majlis Daerah - lambat, jadi semuanya ada kaitan. Oleh itu tidak dapatlah kerajaan untuk mendenda pihak dengan izin, developer sendiri daripada membayar duit denda itu kepada kerajaan. Kalau hendak saya boleh beri contoh, strata title tidak keluar, disebabkan jalan masuk ke situ belum ada lagi. Tetapi bangunan itu telah diserahkan dekat dua tahun.

Saya pun duduk dalam satu bangunan yang tinggi, yang sepatutnya saya mendapat strata title juga, tetapi saya punya kisah, tidak payahlah, sebab Dewan ini bukan untuk mengisahkan personal. Ia adalah kisah rakyat. Jadi, saya membawa perkara ini untuk rakyat supaya pihak kerajaan meneliti, cepat sedikit denda dan beri strata title.

Dr. Goh Cheng Taik: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sebab-sebab kelambatan berlaku kerana penyoal soalan ini telah minta jawapan tentang perkara itu, tetapi ini tidak bermakna kita pun lambat mengambil tindakan untuk mengurangkan kelambatan.

Sebenarnya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi bekerjasama dengan pihak berkuasa negeri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya supaya yang lambat itu tidak terus lambat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut statistik ada kemajuan dalam tahun ini. Misalnya pada 30 Jun 1997, sebanyak 1,342 permohonan telah diluluskan dan pada 29 September 1997 permohonan yang lulus itu telah meningkat sehingga 1,911 permohonan. Ini bermakna 569 permohonan telah diluluskan dalam tempoh tiga bulan tahun ini.

Saya mengambil statistik ini sebagai contoh untuk menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan sedar akan punca-punca kelambatan, tetapi kerajaan tidak lambat mengambil tindakan untuk mengurangkan kelambatan itu.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penyelenggaraan rumah pangsa yang mempunyai strata title ini merupakan satu masalah yang besar terutama bagi pemaju-pemaju perumahan yang membina rumah-rumah pangsa yang telah digulung (liquidated). Oleh kerana itu tidak ada satu pihak yang bertanggungjawab untuk menyelenggarakan (maintenance), dengan izin di kawasan-kawasan ini seperti lif, sampah dan sebagainya. Soalan saya apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan terhadap mereka ini dan juga apakah peruntukan-peruntukan jika ada dalam undang-undang, jika tidak pun adakah peruntukan undang-undang yang mana boleh dikuatkuasakan oleh pihak kementerian.

Dr. Goh Cheng Taik: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat kalau dapat memberi kes-kes yang tertentu supaya kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan dapat meneliti dan kita mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Timbalan Menteri ada mengatakan pegawai - lambat menimbang permohonan. Mengapa pegawai itu lambat, adakah tindakan diambil ke atas pegawai ini? Mengapa lambat sangat kerajaan melulus satu strata? Misalnya tadi Timbalan Menteri mengatakan bahawa strata title yang telah diluluskan, strata titlekah atau permohonan? Strata title ialah satu unit dan boleh jadi satu permohonan ada seribu strata title, itu sahaja yang saya hendak tahu.

Dr. Goh Cheng Taik: Tuan Yang di-Pertua, antara sebab jabatan kerajaan mengambil masa yang lebih untuk memproses permohonan ialah

kekurangan kakitangan. Tetapi kami pun telah menyusun semula, walaupun kakitangan tidak ditambah, tetapi cara bekerja lebih berkesan.

Mengenai apa yang dipohonkan, saya ada statistik di sini untuk September 1997, yang diluluskan ialah 1,911 permohonan yang melibatkan 107,146 petak.

AIR MINERAL DAN AIR MINUMAN - HARGA PENGEDAR

4. Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah reaksi kementerian beliau mengenai gesaan oleh Persekutuan Pengilang-pengilang (FMM) supaya kerajaan menimbang semula rancangannya untuk meletak harga pengedar bagi air mineral dan air minuman dan yang mana juga kepada 75 barang lain; dan
- (b) adakah kementerian sedar penjual minuman keras menempatkan minuman-minuman keras sama dengan minuman lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) izinkan saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa mengamalkan sikap terbuka. Sehubungan itu, kementerian mengambilkira dan memberi pertimbangan sewajarnya ke atas setiap pandangan, cadangbalas dan reaksi dari berbagai pihak berhubung dengan apa-apa rancangan, cadangan atau keputusan yang dibuat.

Mengenai penandaan harga pengedar pada air galian dan air minuman yang dibotolkan, keputusan tersebut telah dibuat setelah mengambilkira dan memberi pertimbangan sewajarnya ke atas pandangan, cadangbalas serta reaksi dari semua pihak berkepentingan termasuk gesaan supaya dipertimbangkan semula keputusan itu oleh Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM).

- (b) Kementerian sedar bahawa di kalangan peniaga yang menempatkan minuman keras bersama-sama minuman lain. Tindakan sewajarnya telah diambil untuk menangani masalah ini dengan kerjasama agensi-agensi lain yang berkaitan iaitu Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

Puan Tan Ah Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta kementerian memberikan penjelasan berapakah bilangan syarikat jualan langsung (direct selling company) dengan izin, yang telah didaftarkan di bawah Akta Jualan Langsung dan adakah didapati kebanyakan daripada syarikat-syarikat jualan langsung menjual barangan mereka dengan harga yang tinggi dan mendapat keuntungan yang berlebihan? Adakah pihak kementerian mengambil langkah untuk mengawal harga barangan jualan langsung tersebut?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini keluar sedikit dari soalan asal, tetapi saya sedia menjawab.

Setakat ini jumlah sebanyak 724 syarikat jualan langsung yang sah telah beroperasi di negara ini dan barang-barang yang dijual oleh syarikat jualan langsung kebanyakan adalah barangan bukan keperluan seharian. Oleh itu, harganya tidak dikawal. Dengan itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihatkan pengguna supaya selalu melaksanakan kebijaksanaan dan haknya untuk menolak atau tidak membeli barangan dengan harga tertinggi. Penguatkuasa kementerian ini sentiasa membuat siasatan ataupun pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan jualan langsung, supaya tidak ada peniaga yang akan mengambil peluang untuk mengaut keuntungan berlebihan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan tentang status air minuman yang dikatakan air mineral dan air minuman. Soalannya, saya mendapati beraneka jenis air dengan jenama-jenamanya ada di dalam pasaran, ada yang diimport dan ada air-air tempatan. Ada juga sebutan serta sembang-sembang yang mengatakan kemungkinan air-air yang dibotolkan itu juga terdiri dari air paip yang diproses dan dijadikan air minuman.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan, soalnya berbunyi: Bagaimana dan siapakah yang menentukan kualiti air minum yang ada dalam pasaran sekarang? Sama ada air mineral ataupun air minum?

Tuan Yang di-Pertua: Air minuman daripada paip? [Ketawa]

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: Minta jawab soalan yang ada ini.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pengeluar atau pengilang air mineral hendaklah mendapatkan kebenaran atau satu lesen daripada Kementerian Kesihatan.

Dari segi kualiti dan keselamatan air mineral atau air minuman adalah diawasi oleh Kementerian Kesihatan juga. Jadi, dari segi harga adalah dikawal oleh kementerian ini.

PERUBATAN PREVENTIVE DAN CURATIVES MEDICINES - MEMPERTINGKATKAN

5. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian tentang mempertingkatkan perubatan 'preventive' dan

‘curatives medicines’ di negara ini, terutama di kawasan-kawasan bandar; dan

- (b) adakah kementerian akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk menyediakan satu sistem perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato’ M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah tertentu bagi mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan ‘curative’ kepada seluruh penduduk di negara ini sama ada di kawasan luar bandar mahupun di bandar. Di antaranya termasuklah:
- pembinaan hospital dan klinik-klinik kesihatan baru;
 - pembaikan dan juga peningkatan taraf hospital bagi memberikan perkhidmatan kepakaran dan juga penempatan Pakar Perubatan Keluarga di Klinik Kesihatan;
 - pembelian peralatan-peralatan yang asas/perlu dan juga canggih/moden bagi hospital dan juga klinik kesihatan.

Dari aspek ‘preventive’ pula, Bahagian Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan telah juga mengambil langkah-langkah tertentu bagi mempertingkatkan perkhidmatan dan juga liputan mereka keseluruh negara. Di antaranya termasuklah:-

- Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan sedia ada khususnya dalam bidang-bidang seperti kawalan mutu makanan, kawalan penyakit, pergigian dan juga kesihatan keluarga melalui latihan, penerapan konsep kualiti dan sebagainya.
- Memperkenalkan beberapa aktiviti baru selaras dengan perkembangan ekonomi negara yang sedang pesat membangun seperti dalam bidang-bidang kesihatan alam sekitar, kesihatan pekerja, perkhidmatan kesihatan kepada golongan tertentu seperti warga tua, remaja dan berbagai-bagai lagi; dan
- Mewujudkan beberapa jawatan baru yang amat penting bari melaksanakan aktiviti di peringkat klinik dan juga pejabat kesihatan.

- (b) Kementerian Kesihatan memang sudah lama bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara dalam menjalankan aktiviti-aktiviti bersama yang melibatkan kesihatan bagi penduduk kawasan bandar.

Sebagai contoh, Kementerian Kesihatan sudah sekian lama menjalankan aktiviti program kawalan mutu makanan dan juga kawalan penyakit-penyakit bawaan vektor seperti denggi dikebanyakan kawasan pihak berkuasa tempatan.

Kementerian juga sedang mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan di dalam usaha untuk menyelaras serta mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi penyediaan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan berkualiti tinggi kepada penduduk di kawasan bandar. Ini dilaksanakan selaras dengan arahan Jemaah Menteri baru-baru ini supaya perkhidmatan kesihatan di kawasan bandar diselaraskan supaya tidak berlaku pertindihan tugas di antara pelbagai agensi.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, sekarang hospital dan klinik di kawasan bandar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan? Bilakah hospital dan klinik ini akan diambil oleh Kementerian Kesihatan, pada tahun bilakah akan dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Kesihatan?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, tahap perkhidmatan kesihatan dilaksanakan di kawasan bandar adalah kurang memuaskan. Ini adalah disebabkan kemampuan Pihak Berkuasa Tempatan yang terhad sama ada dari segi kewangan dan juga personal di dalam melaksanakan tanggungjawab ini.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh supaya Kementerian Kesihatan mengambilalih perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang berkaitan (health and medical related service), dengan izin, daripada Pihak Berkuasa Tempatan secara berperingkat-peringkat.

Jemaah Menteri juga pada 30 April 1997, semasa meneliti kertas kajian 'Peranan dan Fungsi Pihak Berkuasa Tempatan' yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam telah menetapkan bahawa fungsi yang bertindak di antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan agensi-agensi lain diserahkan kembali kepada agensi yang berkenaan, yang mempunyai kepakaran dan kemahiran yang tertentu. Di samping itu Jemaah Menteri juga telah mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan Malaysia mengkaji terlebih dahulu cadangan meminda Unit Perubatan dan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), memandangkan kemudahan yang sedia ada di DBKL adalah besar.

Untuk tujuan pengambilan ini, satu Jawatankuasa Pemandu peringkat tertinggi di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah ditubuhkan bagi membuat dasar serta

strategi untuk melicinkan pengambilan ini. Jawatankuasa ini telah memutuskan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi melaksanakan pengambilan ini.

Untuk langkah jangka pendek, Kementerian Kesihatan akan mengambilalih perkhidmatan kesihatan premier yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui klinik-klinik kesihatan statik dan bergerak. Dasar Kementerian Kesihatan berhubung pemindahan Jabatan Pesakit Luar telah mengambilkira keperluan memberikan perkhidmatan pesakit luar yang berkualiti dan komprehensif kepada penduduk bandar. Di samping itu juga Kementerian Kesihatan Malaysia telah merancang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk membina beberapa buah klinik kesihatan bandar yang akan memberikan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif kepada penduduk bandar.

Langkah jangka pendek pula melibatkan pengambilalihan perkhidmatan kesihatan preventif dan juga promotif daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Sehingga kini Jawatankuasa Pemandu telah membincangkan isu ini dan sedang menunggu cadangan balas daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhubung aktiviti-aktiviti kesihatan yang akan dikekalkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga aktiviti yang akan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada hari ini perubatan alternatif kian bertambah popular. Pada satu masa dahulu ada pihak kementerian mengumumkan bahawa perubatan tradisi seperti perubatan homeopathy medicine, perubatan Cina, perubatan Islam akan dimasukkan dalam arus perdana pengurusan kesihatan dan perubatan Malaysia. Adakah langkah-langkah telah diambil ke arah ini demi untuk bukan sahaja mengawal, tetapi mengembangkan lagi amalan-amalan tradisi perubatan yang selama ini, yang sudah beribu tahun. Maknanya ia berkesan, sebab itu ia hidup sehingga beribu tahun sehingga hari ini. Apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ke arah tujuan tersebut?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, mengenai ubat-ubat alternative medicine, kementerian saya ada mengambil tindakan dan melalui kelulusan dari Jemaah Menteri, IMF dilantik sebagai lead agency untuk mengkaji mengenai perkara ini. Kajian sedang dijalankan sekarang.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berapa peratus peruntukan Kementerian Kesihatan adalah atas preventif dan berapa peratus oleh curative?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang saya ada, kos perbelanjaan ialah RM1.2 bilion, tetapi saya tidak ada pecahan. Kalau Yang Berhormat memberi notis saya boleh jawab.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak untuk preventive medicine berapa peratus, untuk curative berapa peratus?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memegang butir-butir ini, saya akan beri secara bertulis.

IMPORT BARANG MAKANAN DAN PENGALIRAN WANG ASING - MENGURANGKAN

6. Tuan S. Parasuraman minta Menteri Pertanian menyatakan sebagai usaha mengurangkan import barangan makanan dan pengaliran wang asing; dan apakah kerajaan mempunyai cadangan untuk membuka balik “Rancangan Buku Hijau” yang diperkenalkan pada tahun 70an.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Eng Hoi Chooi pada 18.12.1997 kerana kedua-dua soalan ini menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara, Kementerian Pertanian sedang berusaha mengurangkan import barangan makanan.

Di antara langkah-langkah yang tersebut termasuklah:-

- (i) Meningkatkan lagi produktiviti pengeluaran hasil tanaman. Sehubungan ini, Kementerian Pertanian telah berusaha meningkatkan pengeluaran melalui pendekatan intensif tanaman, penggunaan benih yang bermutu dan penggunaan jentera kerja pengurusan yang baik dan pengurangan kehilangan lepas tuai.
- (ii) Menggesa kerajaan-kerajaan negeri supaya mewujudkan zon-zon pertanian khas untuk pengeluaran secara intensif dan komersial bagi tanaman makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, akuakultur dan ternakan.
- (iii) Membina Taman Pertanian Teknologi di mana infrastruktur asas dibina untuk disewa kepada pengusaha swasta yang akan dapat menjalankan aktiviti pertanian secara berkesan dan efisien.
- (iv) Menyediakan kemudahan kredit untuk menggalakkan pihak swasta menceburi sektor pertanian secara komersial. Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia telah meluluskan peruntukan sejumlah RM600 juta setakat ini untuk Tabung Untuk Makanan (Fund for Food) yang boleh dipohon oleh swasta untuk menjalankan aktiviti seperti tanaman, ternakan dan perikanan.
- (v) Menggalakkan penanaman di tanah-tanah terbiar dan juga tanah-tanah milik agensi kerajaan yang belum lagi dibangunkan.

- (vi) Menggalakkan Perladangan Bersepadu (Integrated Farming), iaitu mengusahakan tanaman bersama ternakan bagi mengoptimumkan penggunaan tanah, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan pendapatan.

Mengenai cadangan untuk membuka balik “Rancangan Buku Hijau” yang diperkenalkan pada tahun 1970an, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan berhasrat melancarkan rancangan serupa ini walaupun pada masa ini kerajaan menggalakkan pengusaha-pengusaha swasta yang mempunyai sumber-sumber mencukupi seperti modal, tenaga buruh, teknologi dan kepakaran pengurusan untuk mengendalikan aktiviti pertanian secara komersial yang lebih efisien dan dapat mengeluarkan makanan dengan kos yang lebih rendah serta produktiviti yang lebih tinggi. Petani secara individu ataupun orang ramai masih digalakkan menggunakan tanah yang berhampiran kediaman mereka sama ada untuk dijual ataupun untuk kegunaan mereka sendiri. Dalam hal ini, jabatan dan agensi pertanian sentiasa memberi khidmat nasihat kepada petani atau orang ramai mengenai keadah penanaman dan penggunaan benih yang sesuai dan sebagainya.

Tuan Eng Hoi Choo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ramai petani kita ingin berusaha untuk menanam sayur-sayuran dan sebagainya, tetapi mereka menghadapi kekurangan tanah. Bagaimanakah kerajaan kita dapat membantu mengatasi masalah ini?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memang betul-betul kita sedang menghadapi masalah, pertamanya tanah terbiar begitu luas sekali di Malaysia ini, malahan berpuluh-puluh ribu hektar. Dalam hal ini pihak kementerian telah berbincang dengan kerajaan negeri supaya mereka yang hendak mengusahakan tanah diberikan tanah terbiar dalam jangka masa panjang. Dalam hal ini kita selalu membangkitkan di dalam perjumpaan kita dengan Exco Pertanian yang diadakan tiap-tiap tahun.

Satu perkara lagi yang boleh diatasi ialah dengan cara hidroponik. Itulah sahaja yang saya dapat berikan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penjelasan yang diberi tadi, pada anggapan saya adalah sebab-sebab mengapa barang makanan ini tidak cukup dan usaha-usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan. Ini sudah lama kita dengar. Bila kita sembang, kita cakap fasal barang makanan tidak cukup, kerajaan nanti cerita macam-macam yang dibuat. Tetapi bila keadaan ekonomi meleset, kita ada mendengar, kerajaan terpaksa mengimport barang-barang makanan dan hasil pertanian daripada negara-negara luar yang berjumlah RM9 bilion.

Yang Berhormat tadi menimbulkan tidak cukup tanah. Tetapi apabila menjawab mengatakan ‘tanah ada’ dan kerajaan boleh beri. Saya berpendapat dengan kedudukan ekonomi dari segi pertanian, anak-anak muda sekarang tidak begitu minat lagi untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian seperti menanam sayur-sayuran, mereka lebih suka berpindah dalam bidang-bidang industri yang lain, kerana dari segi pendapatan amatlah berbeza daripada sektor pertanian dan sektor perindustrian. Apakah langkah-langkah yang patut

diambil selain daripada diceritakan tadi ini, seperti memberi panduan-panduan yang patut diambil oleh pihak kerajaan supaya minat generasi muda ini lebih tertumpu kepada pertanian. Misalnya kalau dalam masa 10 tahun berulang lagi keadaan ekonomi meleset, kita tidak akan dengar lagi yang kita terpaksa mengimport beribu bilion Ringgit untuk membawa makanan ke negara kita.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih, Yang Berhormat.

Sebenarnya kita import lebih kurang RM10.2 bilion tiap-tiap tahun. Tetapi yang diimportnya ialah suka saya nyatakan misalnya bijiran seperti gandum yang tidak boleh ditanam di sini ia berjumlah RM1.7 bilion. Gula - RM800 juta; susu - RM900 juta; jagung - RM1.4 bilion; baja dan racun serangga - RM130,000. Yang kita boleh tanam di Malaysia hanyalah padi dan yang lain-lain seperti perikanan.....

Seorang Ahli: Bawang!

Dato' Abu Bakar bin Taib:bawang pula kita terpaksa import.

Apa yang boleh kita tanam ialah padi, sebahagian daripada gula dan juga sebahagiannya sayur-sayuran. Jadi, kita telah mencari jalan disebabkan dahulunya kita ada fungsi untuk mengurangkan sektor pertanian ini. Tetapi dari percentagenya kita hendakkan kaum belia dan lain-lain berhijrah ke industri, itu adalah fungsi yang lepas.

Kita sedang menjalankan penelitian, walaupun beras yang kita import lebih kurang beratus juta Ringgit setahun, tetapi tahap dan strategi kita ialah 70 per cent, itulah seperti yang dikatakan. Dalam hal ini kita sedang berusaha untuk mengadakan teknologi yang tinggi sedikit, mungkin kita adakan tanaman hidroponik sebagai hendak menggalakkan belia-belia ini untuk menceburkan diri di dalam hal-hal pertanian.

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya directlah. Adakah Kementerian Pertanian faham peranan yang patut diambil, kerana tadi kita mendengar Yang Berhormat ahli PAS sudah bertanya iaitu tidak kurang dari 40 tahun kita ada kementerian ini, tetapi sampai ke hari ini kita tidak cukup barang makanan, seperti beras tidak cukup, kobis tidak cukup apa-apa pun tidak cukup dan banyak lagi yang tidak cukup. Jadi, kalau projek Buku Hijau ini dijalankan, kerana sekarang kita sedang mengalami kemerosotan ekonomi, saya takut program-program ini tidak tahan lama, berapa lamakah ia boleh tahan, kerana sekarang kita kekurangan wang. Apabila wang kita telah bertambah adakah projek ini semua akan ditamatkan?

Di sini saya mahu bertanya satu soalan yang cukup direct, sampai bilakah barang makanan kita akan mencukupi? Dalam masa berapa tahun we can be self sufficient, kerana kita ada MARDI dan MARDI pun telah menjalankan penyelidikan selama tidak kurang dari 20 tahun.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, nampak gaya Yang Berhormat ini tidak faham peranan Kementerian Pertanian dan juga peranan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini adalah 'highly food reserve', dalam beberapa jenis food tertentu, lebih baik kita import. Jagung misalnya, lebih baik kita import, apa lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa kita import? *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Daging.....

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa lebih baik kita import? Fasal apa lebih baik kita import?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Fasal apa? Fasal harganya murah kalau kita import. Kalau ada tanah sendiri boleh tanam, sebabnya kita terpaksa mengambil buruh daripada luar. Itu sebabnya kita lebih suka import. Misalnya kalau Yang Berhormat hendak butir-butir ini kita boleh beri. Dalam hal ini kita terpaksalah berhati-hati, seolah-olah kita mencabar Kementerian Pertanian. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ha! Seorang lagi hendak mencabar ini.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mencabar, tetapi pandangan saya rasa boleh diimplimentasikan benda ini. Apakah perancangan ataupun cadangan yang mungkin dapat diambil tindakan oleh Kementerian Pertanian untuk menyedarkan setiap rakyat supaya mereka timbul satu kesedaran untuk menghijau bumi di persekitaran yang sesuai. Maksud saya tanam yang kecil-kecilan di hadapan rumah, seperti kacang, sayur dan sebagainya. Walaupun kita ada iklan, kita hijaukan bumi dengan izin, we green the earth, tetapi kalau ada kesedaran ini mungkin suatu perkara yang dapat dilaksanakan bagi mengatasi masalah sekarang ini.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak aktiviti yang telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian, baik di segi pertanian ataupun ternakan haiwan dan selalunya rakyat Malaysia ini senang sangat kalau hendak menanam. Saya mencabar Yang Berhormat dan semua dalam Dewan ini buatlah hidroponik.....

Tuan Yang di-Pertua: Harganya mahal tak?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Hidroponik.....

Tuan Yang di-Pertua: Mahal hidroponik.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ha! Ada.

Tuan Yang di-Pertua: Mahal hidroponik, tidak mampu orang kampung. *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Itu Tuan Yang di-Pertua kata. Jadi, kita menyediakan beberapa program yang tertentu yang berkaitan dengan pertanian. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata 'mahal' susah sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sendiri mengaku memang mahal, kerana saya sendiri membeli barang-barang itu. *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, ini kita sedang menjalankan aktiviti ini melalui berbagai-bagai projek yang telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian dan seterusnya kita membantu kerajaan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya seronok mendengar Tuan Yang di-Pertua berminat dengan pertanian tadi. Saya pun sudah terlupa hendak bertanya soalan ini.

AJARAN SYIAH - LANGKAH-LANGKAH MENGATASI

7. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah perkembangan ajaran Syiah di Malaysia dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membanteras ajaran Syiah ini dan mengapa pembawa ajaran Syiah ditahan di bawah ISA dan tidak dihadapkan ke mahkamah supaya masyarakat dapat mengetahui kegiatan-kegiatan mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini gerakan ajaran Syiah di Malaysia telah menular di kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan orang ramai dan dalam jangka masa panjang jika tidak dibendung boleh memecahbelahkan umat Islam di negara ini. Antara langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak kerajaan termasuklah menasihati mereka yang terlibat dari terus menyebarkan ajaran ini dengan cara mengeluarkan risalah-risalah penerangan serta mengadakan majlis-majlis penjelasan mengenai isu ini.

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 hanya akan digunakan sekiranya terdapat unsur-unsur dalam aktiviti mereka yang boleh menggugat keselamatan negara.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya memang diakui Syiah merupakan satu perkara yang boleh merosakkan aqidah umat Islam di negara ini. Kita sekarang ini banyak melaksanakan langkah-langkah untuk membendung di dalam negara. Tetapi apa yang difahamkan kepada saya ialah ada beberapa, boleh dikatakan setengah daripada kalangan rakyat Malaysia ada yang telah pun berkunjung ke negara Iran di satu tempat khusus untuk melatih kader-kader supaya balik ke negara menjadi pengembang Syiah di negara ini. Apakah tindakan kerajaan terhadap mereka yang telah pun keluar ke negara Iran untuk membuat latihan ke arah pengembangan Syiah ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ajaran Syiah ini tidak disenangi oleh boleh dikatakan semua umat Islam di negara ini termasuk mereka yang

disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha tadi. Jadi, kita menyarankan supaya semua rakyat kita tidak kira parti politik, tidak kira organisasi untuk sama-sama bekerjasama bagi menyelesaikan masalah ini. Kementerian Dalam Negeri hanya akan mengambil tindakan apabila aktiviti mereka ini sebagaimana saya sebutkan tadi akan mendorong kepada tergugatnya keselamatan negara.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, kita patut memandang serius berkenaan dengan perkembangan syiar Islam ini. Dari segi undang-undang Persekutuan, agama Islam adalah agama rasmi. Ia tidak menyebut Ahli Sunnah Waljamaah. Sunnah Waljamaah termasuk dalam fatwa negeri-negeri. Oleh itu, kerajaan negeri boleh mengambil tindakan dalam Mahkamah Syariah. Mengapa perkara ini tidak diambil di peringkat-peringkat negeri walaupun Timbalan Menteri barangkali menjawab ini terpulang kepada kerajaan negeri. Oleh itu, kita patut memberitahu kepada semua rakyat bahawa pengikut Syiah adalah salah. Dalam salah satu ajarannya kalau Timbalan Menteri hendak tahu boleh kahwin Muta'ah, kahwin kontrak tiga bulan. Inilah satu-satu aturcara yang diikuti penganut ajaran Syiah ini. Oleh itu, patut sangat pihak kerajaan negeri mengambil tindakan melalui Mahkamah Syariah. Kerajaan Persekutuan tidak ada kuasa melainkan ISA sahaja. Jadi, biar kita semua tahu apa masalahnya ajaran Syiah Islam ini. Jangan kita tutup, nanti ia akan merebak dengan secara tidak tahu.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua orang sudah tahu, tetapi mungkin ada yang buat-buat tidak tahu. Kita menyarankan supaya mereka yang hari ini cuba mendakwah di kalangan umat Islam yang terdiri dari Ahli Sunnah Waljamaah supaya mereka ini keluar untuk memberi dakwah kepada mereka yang kita sebutkan tadi, terutama mereka yang telah pun terikut dengan fahaman syiah. Misalnya kalau ada organisasi-organisasi yang tertentu, sekarang ini ada organisasi misalnya ABIM dan sebagainya tampil ke hadapan untuk memberi dakwah dan juga nasihat.

Kita juga minta kalau boleh misalnya parti-parti politik seperti PAS tampil ke hadapan untuk mengambil daya usaha yang utama bagi kita memberi nasihat kepada mereka yang terlibat. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi, kalau misalnya ada yang mengambil tindakan yang salah supaya kerajaan negeri juga mengambil tindakan terhadap mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 40 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

Bacaan Kali Yang Kedua

3.36 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1998 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, Kerajaan Barisan Nasional terus kukuh dan terus berkuasa sejak merdeka sehingga ke ambang alaf baru. Kerana tonggak perjuangannya adalah menyusun semula masyarakat mengikut prinsip keadilan, kesaksamaan dan keharmonian. Kerajaan tekun memajukan dan memakmurkan negara kerana kita ingin semua rakyat terutama golongan melarat dan miskin dapat memperbaiki dan mempertingkatkan mutu kehidupan mereka. Kita insaf bahawa masih terdapat golongan yang 'terhempas' dan 'terpulas', biar bagaimana makmurnya negara, biar bagaimana majunya teknologi, tingginya sanjungan terhadap kita, kita belumlah berjaya sepenuhnya.

Justeru itu, nadi program pembangunan kita tidak pernah terkeluar dari garis utama iaitu memerang dan membasmi kemiskinan. Justeru itu, walaupun saya telah mengumumkan pada Dewan Rakyat pada 8 Disember bahawa kerajaan bersetuju dengan peruntukan perbelanjaan kerajaan yang dicadangkan pada Belanjawan 1998 dikurangkan sebanyak 18%, semua program dan peruntukan khusus untuk membasmi kemiskinan atau membantu golongan daif dan miskin tetap diteruskan. Saya ingin menggunakan kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menjelaskan bahawa potongan 18% itu adalah tambahan dari potongan 3% yang sudah diumumkan bagi tahun 1998. Tetapi dalam peruntukan

yang diumumkan bagi tahun 1998, 3% itu sudah pun diambil kira. Jadi, yang dikenakan jumlah 18% potongan baru ini adalah terhadap jumlah yang telah diumumkan dalam Belanjawan 1998.

Belanjawan 1998 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 17 Oktober 1997 mengandungi langkah-langkah ke arah memperteguh asas ekonomi dan menstabil pasaran kewangan, mengekal pertumbuhan mapan, meneruskan proses deregularisasi dan liberalisasi ekonomi dan meneruskan agenda sosial bagi pembangunan yang lebih menyeluruh. Sejak pembentangan tersebut keadaan ekonomi serantau terus merosot. Tatkala pembentangan dibuat cuma krisis kewangan dan mata wang melanda Thailand. Tetapi setelah pembentangan dilakukan, krisis tersebut menular ke Indonesia dan baru-baru ini ke Korea Selatan dengan sedikit menjejaskan institusi kewangan di Jepun.

Sebab itulah kita harus mengambil langkah-langkah proaktif baru, mengambil kira perkembangan dan suasana terkini dan bertekad untuk menyelesaikan masalah dengan menambah keyakinan rakyat dan pelabur terhadap pasaran dan mata wang. Maka pada 5 Disember yang lalu saya telah membuat kenyataan akhbar dan memberi penerangan kepada Dewan Rakyat pada 8 Disember 1997 mengenai beberapa langkah baru yang akan dilaksanakan untuk menjana kembali keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia turut terjejas oleh badai yang melanda pasaran kewangan rantau ini. Namun demikian, kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana daya tahan ekonomi negara masih tinggi dan prestasi sebenar sektor ekonomi terus menggalakkan. Kita justeru bersyukur kerana keadaan yang gawat, yang berlaku di negara-negara jiran masih membolehkan kita terus bertahan. Keluaran Dalam Negara Kasar berkembang sebanyak 7.4% dalam tempoh suku ketiga tahun ini. Pengeluaran sektor perkilangan terus meningkat sebanyak 11.7% dalam tempoh tersebut. Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1997 pengeluaran perkilangan terus meningkat. Eksport barangan (FOB) berkembang pesat, sementara aliran masuk kasar pelaburan asing langsung oleh syarikat-syarikat asing bagi pelaburan semula meningkat sebanyak 14% kepada RM25.7 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun ini. Dalam tempoh yang sama pelabur-pelabur asing mengekalkan 7.6% daripada keuntungan mereka untuk melabur semula, dengan izin, reinvestment di negara kita.

Berdasarkan prestasi perdagangan sehingga kini kita yakin insya-Allah, bahawa akaun dagangan FOB akan mencatat lebih sebanyak RM9.7 bilion pada tahun ini. Kita menjangka defisit akaun semasa akan berkurangan kepada 5% daripada KNK pada tahun ini, daripada 5.2% tahun 1996 dan 10.5% tahun 1995. Ini bermaksud merupakan satu perkembangan yang cukup menggalakkan.

Keadaan di tahun 1995 dengan defisit 10.5% adalah meruncingkan, tetapi kita dapat mengurangkan sehingga 5% pada tahun ini.

Sementara prestasi sektor sebenar ekonomi terus menggalakkan. Namun dengan senario baru krisis kewangan semasa dan maklumat terakhir yang kita perolehi kedudukan Won Korea Selatan telah melangkaui satu paras yang cukup membimbangkan. Rupiah Indonesia juga telah melampaui satu keadaan yang hampir paling parah dalam sejarah mutakhir di Indonesia. Kedudukan Ringgit sehingga hari ini masih terkawal, tidak terpengaruh dengan perkembangan yang berlaku di Korea Selatan dan Indonesia.

Kadar pertumbuhan kurang daripada 7% bagi tahun hadapan yang dibuat dalam pembentangan Belanjawan 1998 kini kita semak semula. Kita terpaksa berbuat demikian memandangkan kepada kenyataan dan realiti ekonomi semasa dan untuk menentukan bahawa kita akan menunjukkan keupayaan yang lebih agar dapat kita melangkaui dengan kadar yang lebih pantas pada tahun-tahun yang akan datang. Setelah disemak semula kita menjangkakan bahawa pertumbuhan tahun 1998 adalah di sekitar 4% hingga 5%.

Dalam Belanjawan 1998 saya telah mengemukakan cadangan sejumlah RM64.124 bilion bagi tahun 1998 bagi menjamin kedudukan kewangan kerajaan dalam usaha memperteguh kedudukan keseluruhan sumber negara seterusnya memastikan negara mampu untuk membiayai pelaburan tanpa bergantung kepada pinjaman luar. Saya telah mengumumkan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 18% bermula dengan pemotongan serta-merta secara menyeluruh sebanyak 10% bagi kedua-dua perbelanjaan mengurus dan pembangunan dan 8% lagi potongan secara terpilih. Ini merupakan tambahan kepada potongan 2% perbelanjaan yang telah diumumkan bagi tahun akhir 1997.

Di samping itu, anggota pentadbiran di peringkat menteri dan timbalan menteri telah menawarkan gaji mereka dipotong sebanyak 10% termasuk saya. *[Tepuk]* .

Tuan Yang di-Pertua: Termasuk juga Yang di-Pertua Dewan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Itu kalau Tuan Yang di-Pertua bersetuju saya akan terus melaksanakan dengan senang hati. *[Ketawa]* Pegawai-pegawai kerajaan yang memegang jawatan utama sektor awam (JUSA), Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik dan jawatan-jawatan yang setara, saya ucap terima kasih di atas kesetiaan Ahli-ahli Dewan Negara juga menawarkan potongan gaji sebanyak 3%. *[Tepuk]*

Sementara kenaikan gaji bagi pegawai-pegawai kategori profesional dan pengurusan kita gunakan istilah kategori A dan B sebelum SSB, istilah sekarang ialah profesional dan pengurusan dibekukan sehingga ekonomi pulih. Kumpulan ini tidak menjejaskan kedudukan kumpulan yang dahulunya C dan D yang disebut sebagai perkhidmatan sokongan. Tetapi ingin saya jelaskan bahawa ini tidak melibatkan kenaikan pangkat dan kalangan yang akan berpencen dalam tempoh yang tersebut. Bagi kalangan pegawai-pegawai yang akan berpencen pada tempoh tersebut kita akan pastikan bahawa kedudukan pencen mereka tidak terjejas dengan kadar yang sewajarnya.

Selaras dengan langkah kerajaan kita mengharapkan sektor swasta turut melakukan langkah serupa untuk melegakan negara dari tekanan inflasi. Saya ingin jelaskan peranan sektor awam di Dewan ini kerana berbeza dengan pengalaman kita di pertengahan tahun 1980an di mana kita hadapi masalah kegawatan ekonomi, itu berpunca banyak kepada sektor awam. Hutang kerajaan besar dan perbelanjaan kerajaan juga tinggi, mengalami defisit yang besar. Kemudian langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan pada masa itu, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin ialah untuk memotong secara drastik perbelanjaan kerajaan dan menghentikan hutang luar. Tetapi pengalaman kita sekarang berbeza.

Perbelanjaan sektor awam adalah dalam keadaan surplus, berlebihan lima-enam tahun, dan lebihan yang agak besar sehingga membolehkan kita meneruskan dengan langkah prapembayaran (prepayment) yang cukup besar. Prapembayaran kita hampir RM12 bilion selama ini, dan RM12 bilion kalau tidak dibayar dalam konteks prepayment itu mungkin menjangkau lebih dari RM20 bilion sekarang. Alhamdulillah, kita telah dapat mengambil langkah tersebut dan ini mengurangkan beban hutang kita. Tetapi masalahnya lebih berkaitan dengan hutang sektor swasta. Masalah sekarang ini banyak bergantung dan berpunca dari perbelanjaan dan tekanan oleh sektor swasta.

Sebab itu bila kerajaan merayu dan mendesak agar sektor swasta turut mengambil langkah yang perlu dan tegas, kali ini kita mengharap sektor swasta lebih bertanggungjawab dan responsive, termasuklah ganjaran kepada pekerja, cara perbelanjaan mereka, lawatan dan kunjungan haruslah ikut contoh teladan yang diambil oleh kerajaan.

Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa segala pemotongan yang telah dibuat terhadap perbelanjaan kerajaan bagi sektor awam, sektor kerajaan tidak melibatkan projek-projek yang mendesak bagi menjayakan program pembasmian kemiskinan dan beberapa program strategi dalam bidang kesihatan, pertanian atau pendidikan. Kita menyeru supaya setiap kementerian, jabatan dan

agensi tidak hanya melihat kepada angka 18%, tetapi di mana perlu kita harus mengambil iktibar dan daripada masalah-masalah terdahulu dan mengambil langkah lebih cermat dan berhemat. Kita juga menjelaskan bahawa sepertimana yang saya telah tegaskan dalam sidang Dewan Rakyat yang lalu, adalah tidak benar kalau kita hanya dikejutkan dengan perkembangan yang terbaru. Empat-lima tahun yang lalu di dalam pembentangan Belanjawan negara kita telah mengambil iktibar dari pengalaman Nabi Allah Yusuf Alaihissalam di dalam Al-Quran, mengingatkan kita bahawa tujuh tahun hasil gandum yang jenuh dan lumayan di Mesir itu tidak harus menyebabkan kita boros dan alfa. Bahkan harus menginsafkan kita tentang kemungkinan masalah yang bakal dihadapi, dan tujuh tahun gersang ekonomi berikutnya. Dalam saranan Nabi Yusuf Alaihissalam, apa yang diminta dilakukan oleh kerajaan dan rakyat ialah membelanja dan makan sedikit sahaja dari gandum, hasil gandum yang jenuh dan lumayan itu dan menyimpan sebahagian besarnya dalam menghadapi masalah keadaan yang lebih gawat atau kemarau atau gersang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah mengumumkan beberapa langkah lain untuk memperkukuh kedudukan imbangan pembayaran bagi mengurangkan lagi defisit akaun semasa kepada 4% daripada KNK. Kini kita mengkaji semula dan bertekad untuk mengurangkan lagi defisit kepada 3% daripada KNK atau mengurangkan defisit sebanyak RM5 bilion berbanding dengan tahun 1996. Ini bermakna import harus dikurangkan, eksport harus ditambah dan langkah-langkah lain yang perlu dilaksanakan untuk menjayakan langkah ini harus dikendalikan dan ditangani dengan sebaik mungkin oleh semua pihak.

Dari dasar pertukaran wang asing, Malaysia akan terus mengamalkan dasar pertukaran asing yang fleksibel, ketidakstabilan mata wang, kadar pertukaran akan menuju ke paras yang lebih realistik mencerminkan kekukuhan asas ekonomi. Semua para penganalisa ekonomi akur bahawa nilai Ringgit kini jauh di bawah parasnya yang sebenar. Malaysia juga akan terus mengamalkan sistem pasaran terbuka dan tidak bercadang untuk mengenakan sebarang bentuk kawalan. Apabila ditanya apakah bertentangan dengan pendirian kerajaan khususnya Perdana Menteri selama ini bahawa kita harus mengusulkan agar ada peraturan dan kawalan mata wang, kita menyebut bahawa pandangan kerajaan ialah supaya keputusan ini dibuat bersama oleh badan-badan kewangan antarabangsa sama ada IMF ataupun BIS (Bank of International Settlement) atau melalui WTO (Badan Perdagangan Antarabangsa). Kerajaan Malaysia tidak akan mengenakan apa-apa peraturan dan sekatan secara bersendirian

(unilateral) kerana kita akan tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan yang dibuat di peringkat antarabangsa.

Pada masa ini, tahap rizab luar negara bernilai sebanyak RM61.7 bilion atau cukup untuk membiayai 37 bulan import tertangguh. Rizab ini adalah berdasarkan kadar pertukaran pada akhir tahun 1996 dan tidak mengambil kira sebarang perubahan nilai akibat perubahan kadar pertukaran. Kalau kita buat revaluation Ringgit tentulah jumlah jauh lebih besar. Jadi, saya jelaskan perkara ini supaya dapat maklumat yang tepat bahawa kita masih menggunakan kadar pertukaran akhir tahun 1996. Matlamat kita untuk mencapai tahap rizab yang mampu membiayai sekurang-kurangnya empat bulan import tertangguh.

Sistem perbankan terus kukuh, bukan pembangkang, pembangkang tidak kukuh. *[Ketawa]* Perbankan terus kukuh, langkah-langkah yang telah diumumkan dalam Belanjawan dan langkah-langkah tambahan yang diumumkan akan tambah memperkukuhkan sektor bank. Rakyat juga tidak harus bimbang, semua simpanan dalam semua bank dan syarikat-syarikat kewangan (bank and finance company) deposit mereka adalah selamat dan terjamin serta dipertahankan oleh kerajaan. *[Tepuk]* Bank Negara mengawasi sistem bank dengan teliti dan akan mengambil segala langkah perlu untuk menjamin keutuhan sistem bank. Peminjam korporat dan individu tidak diberi bantuan (bail-out) sekiranya pinjaman kepada pihak-pihak ini didapati tidak lagi berdaya maju. Kita tidak wajar menggunakan sumber kewangan bagi membiayai kegiatan yang tidak produktif kerana ini tidak hanya akan mengurangkan pembiayaan kepada aktiviti yang berdaya maju dan produktif, malahan akan mendedahkan institusi perbankan kepada risiko dan kerugian yang lebih besar. Jaminan kepada peminjam hanya akan diberikan kepada mereka yang menghadapi masalah sementara mudah tunai mengakibatkan penyusutan nilai Ringgit. Dalam kes tambahan kredit yang diberikan bagi membolehkan peminjam meneruskan pengeluaran atau memenuhi pesanan eksport. Institusi perbankan dikehendaki lebih berwaspada dalam membuat panggilan margin sekiranya kejatuhan margin sandaran oleh saham syarikat yang mempunyai asas-asas yang kukuh adalah lebih wajar sekiranya langkah panggilan margin tidak diambil.

Walau bagaimanapun, sekiranya saham sandaran dalam syarikat yang tidak berdaya maju, institusi perbankan perlu membuat panggilan margin. Apa yang penting dan perlu diutamakan ialah keselamatan dan kestabilan institusi-institusi perbankan. Ini perlu diberikan penegasan justeru kerana dalam kemelut yang kita hadapi sekarang, kekukuhan sistem perbankan dan institusi kewangan itu

adalah terlalu utama. Kalau kita mulai tunjukkan petanda kita sanggup mengambil sikap yang sambil lewa dan memaksa atau mempengaruhi bank untuk mengambil tindakan yang tidak dapat dipertahankan dari sudut prudentialnya, maka kita akan menempah satu masalah ekonomi yang besar sepertimana yang berlaku di negara-negara lain di rantau ini. Kekuatan di Malaysia masih bergantung kepada pengawasan yang tegas oleh Bank Negara dan disiplin institusi kewangan yang cukup ketat.

Bagi memastikan pertumbuhan kredit tidak melebihi kadar yang telah ditetapkan dalam perancangan institusi perbankan, prinsip-prinsip berhemat akan dilaksanakan. Perkembangan kredit akan dikawal dengan ketat dengan memberikan keutamaan kepada aktiviti produktif yang berteknologi tinggi dan yang menjana pertukaran asing. Satu langkah untuk memperkukuhkan daya tahan sistem kewangan ialah melalui mergers atau percantuman bank dan syarikat-syarikat kewangan. Kita telah menggesa supaya bank, syarikat kewangan dan juga firma broker saham melakukan percantuman supaya mereka akan lebih utuh dan berupaya untuk bersaing dengan bank dan institusi-institusi kewangan asing.

Kita juga menggesa sektor korporat melaksanakan langkah berhemat, mengukuhkan kedudukan kewangan mereka sepertimana langkah-langkah pemotongan perbelanjaan yang dilaksanakan oleh sektor awam. Pertama, sektor korporat harus mengkaji semula perbelanjaan tidak perlu seperti ganjaran dan faedah kepada kakitangan mereka. Projek-projek baru dan perbelanjaan modal yang tidak penting ditangguhkan supaya syarikat tidak menambah beban hutang mereka.

Kedua, agensi penerapan (rating agency) tempatan perlu mengemukakan penerapan terkini kepada Suruhanjaya Sekuriti. Ketiga, semua bentuk penyusunan semula syarikat korporat akan diteliti secara terperinci oleh pihak berkuasa dan hanya mereka yang benar-benar perlu dan boleh mengukuhkan ekonomi akan diberi kebenaran untuk melaksanakan penyusunan tersebut.

Keempat, permohonan bagi penyenaian baru terbitan hak dan penyusunan semula korporat akan dibeku dan tiada kelulusan baru diberi. Ini bagi memastikan mudah tunai pasaran tidak terjejas. Walau bagaimanapun, pelaburan strategik yang boleh menjana pertukaran asing atau yang mengelakkan aliran keluar Ringgit seperti pelancongan, industri berasaskan makanan dan berorientasikan eksport serta berteknologi, projek-projek berkaitan dengan Koridor Raya Multimedia akan diteruskan tetapi tetap tertakluk kepada penelitian yang cukup rapi. Saya pasti insya-Allah, langkah-langkah ini akan memberi keyakinan kepada pasaran bahawa kerajaan sedang mengambil langkah-langkah tegas bagi

menangani kelemahan dalam sistem kewangan secara lebih tersusun dan berhemat dengan pendekatan berorientasikan pasaran.

Untuk mengelakkan aliran keluar mata wang dan menggalakkan pelancongan tempatan, menteri dan kakitangan awam yang mendapat kemudahan perjalanan dan percutian tidak lagi dibenarkan melancong keluar negeri. Sementara di bidang pendidikan yang dianggap begitu penting untuk membina kekuatan masa depan negara, menyumbang kepada pengaliran tukaran asing. Justeru itu, kerajaan telah mengambil langkah mengurangkan jumlah pelajar yang dihantar belajar di luar negeri mulai tahun ini. Tahun depan peluang dan kemudahan institusi pengajian tinggi tempatan diperluaskan terutama Universiti Telekom, Universiti Tenaga, Institut Teknologi Petronas yang merupakan institut pengajian tinggi yang cukup berwibawa.

Kerajaan mempermudah syarat-syarat untuk pengambilan tenaga pengajar luar negeri agar IPT tempatan tidak terjejas. Sehubungan dengan itu, mutu pengajian tinggi akan terus dipertahan walaupun bilangan institusi pengajian tinggi dan pelajar bertambah. Dalam menangani kemelut ekonomi sekarang sektor industri kecil dan sederhana akan diperkukuh untuk menjanakan kekuatan sektor pembuatan. Satu dana baru yang telah segera ditubuh bernilai RM1 bilion bagi membantu pembangunan industri kecil dan sederhana supaya IKS menjadi lebih produktif dan kompetitif setelah ditubuh.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan 1998 dan langkah-langkah tambahan dibentangkan adalah merupakan usaha kita bersama untuk memulihkan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia serta menstabil Ringgit dan pasaran modal. Asas ekonomi tetap teguh, namun kita harus bertindak segera dan tegas agar keyakinan terhadap negara tidak terus merosot hingga menjejaskan asas ekonomi sebenar. Kita berkeyakinan bahawa langkah-langkah tegas segera yang diambil walaupun pahit akan dapat mengatasi krisis ini dan menghasilkan asas yang lebih kukuh dalam tempoh sementara.

Inginlah saya tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa kejayaan apa jua langkah dan tindakan yang kita atur sangat bergantung kepada cara, sikap dan kritikan yang perlu saling konsisten dan tidak bertentangan. Sebaliknya jika kita tidak bersatu hati, bertekad dan jujur untuk mengatasi kegawatan ini kerana apa juga kepentingan golongan atau kumpulan, maka langkah dan tindakan kita akan menjadi senjata menikam tuan dan menjejaskan kestabilan ekonomi kita.

Oleh itu, saya ingin menggesa setiap ahli Dewan yang mulia ini supaya bersama-sama dengan kerajaan berjuang memastikan bahawa langkah-langkah yang dicadangkan dilaksanakan dengan teratur

dan berkesan, sementara kita terus memohon ke hadrat Allah S.W.T. mudah-mudahan negara kita dilindungi dan akan terus mendatangkan kejayaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

[Tepuk]

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1998 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

4.00 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan di mana pembentangan Belanjawan yang telah pun dibuat di Dewan Negara telah dibuat perubahan bagi menangani ekonomi negara kita serta langkah-langkah strategik dan spesifik bagi mengukuhkan kestabilan ekonomi dan kewangan negara di Dewan Rakyat pada 8 Disember 1997 dan pada hari ini di Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu langkah yang diambil selain dari potongan gaji para Jemaah Menteri dan pegawai-pegawai tertinggi kerajaan, kerajaan telah menyemak semula pertumbuhan ekonomi dari 7% kepada 4% dan 5% pada tahun hadapan. Begitu juga di mana potongan telah dibuat di atas Belanjawan negara di antara 10% dan 18% yang telah dibuat. Kita mengalu-alukan potongan gaji 10% oleh Jemaah Menteri, timbalan menteri, menteri besar, EXCO kerajaan-kerajaan negeri termasuk Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara.

Adalah lebih berkesan jika potongan juga dibuat bukan sahaja 10% atas gaji pokok, tetapi juga memotong elaun perjalanan, mesyuarat, rumah, keraian, dan lain-lain yang agak besar. Potongan 3% ke atas ahli-ahli Parlimen tidak ada makna, kerana ahli-ahli Parlimen hanya menerima elaun bulanan sahaja dan tidak ada kemudahan-kemudahan lain kecuali yang dilantik menjadi anggota agensi kerajaan. Ahli-ahli Parlimen yang tidak ada apa-apa jawatan, mempunyai tanggungjawab sosial yang besar kepada rakyat di dalam kawasan masing-masing, manakala elaun yang diterima sekadar tidak

lebih RM4,000 sebulan. Walau apa pun saya menyokong dan turut bersedia melakukan apa jua pengorbanan demi rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, krisis kegawatan ekonomi tiba-tiba melanda kita bermula dari serangan golongan spekulator mata wang Baht Thailand pada bulan Julai 1997 telah menyebabkan kejatuhan nilai mata wang kita lebih dari 40% dan Komposit Indeks BSKL kepada bawah 600 mata, kejatuhan melebihi 60%. Krisis ini telah menggugat ekonomi kita yang telah kita capai dengan pesat semenjak 1989 hingga sekarang. Serangan spekulasi kewangan mata wang negara-negara ASEAN dan Korea Selatan adalah berpunca dari mereka yang sungguh tidak bertanggungjawab terutama sekali spekulator kewangan dari Barat seperti George Soros.

Selama ini negara-negara maju sungguh kagum di atas pencapaian ekonomi negara-negara Asia Timur seperti Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan, China, Singapura, Malaysia, Thailand dan yang terbaru negara Vietnam. Kecemerlangan pencapaian ekonomi negara-negara Asia Timur telah pun menjejaskan daya saing negara-negara maju, Eropah dan Amerika, sedikit-sebanyak telah membantutkan dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara-negara mereka yang menyebabkan kenaikan tahap pengangguran.

Malaysia telah bernasib baik dari segi negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan Korea Selatan yang terpaksa meminta bantuan kewangan dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk menstabilkan dan memulihkan ekonomi mereka. IMF yang dikuasai oleh kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Eropah bukan sahaja menghulurkan bantuan kewangan dan reformasi ekonomi tetapi mengenakan juga syarat-syarat berunsur politik. Lihat pertukaran Kabinet daripada Kerajaan Thailand menggugat parti pemerintah, juga di Korea Selatan. Kita perlu memberi penghargaan yang tinggi kepada Kementerian Kewangan, Bank Negara dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah dapat mengawal dan menstabilkan ekonomi negara kita.

Dengan kawalan yang begitu baik kita tidak terjejas, pertama dari segi invasi aset yang begitu ketara seperti di Thailand dan Jepun pada satu ketika. Kedua, tidak mempunyai pinjaman luar berlebihan, terutama sekali oleh syarikat-syarikat tempatan seperti terjadi di Thailand, Indonesia dan Korea Selatan. Ketiga, tidak membenarkan syarikat-syarikat awam meminjam lebih dari kemampuan, dengan izin, high gears company, sepertimana yang berlaku di Korea Selatan, Thailand dan Indonesia. Keempat, kita belum lagi mencapai ke tahap menutup sebahagian institusi kewangan walaupun satu

ketika cubaan untuk mengeluarkan wang pendeposit dari institusi kewangan tempatan kepada institusi kewangan yang dikawal oleh syarikat asing.

Kita menyokong penuh di atas penubuhan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) bagi mengatasi dan menangani krisis kewangan yang melanda kita. Kedudukan status Majlis Bertindak Ekonomi Negara mestilah, dengan izin, above board, di mana tidak boleh dipengaruhi oleh golongan tertentu dan golongan berkepentingan. Punca krisis kegawatan ekonomi adalah disebabkan unsur-unsur luaran berpunca dari penyerangan mata wang kita (currency effect). Mengapa jadi begini, Tuan Yang di-Pertua. Sekian lama ekonomi kita berkembang begitu pesat bukan disebabkan asas-asas mencari dimensi baru exploring new dimention, dengan izin, tetapi menukar haluan daripada pertanian dan pengeksporth komoditi kepada pengeluaran perindustrian.

Oleh yang demikian, tidak sangsi bahawa kos dan pengaliran wang keluar akan bertambah dengan peningkatan pengimportan bahan-bahan mentah dan jentera-jentera pengeluaran, pembelian peralatan, capital goods telah dan akan menjadi masalah besar bagi negara. Unsur-unsur luar yang lain adalah pembiayaan pembelian teknologi, jentera, computer hardware, pengaliran pekerja asing sama ada tidak mahir hingga ke golongan profesional dan ikhtisas, pembiayaan pinjaman luar dan bayaran khidmat kepakaran terutama sekali dalam kepakaran perdagangan antarabangsa. Pergantungan kepada faktor luaran inilah telah menyebabkan peningkatan defisit akaun semasa serta mendedahkan Ringgit di bawah kawalan asing.

Sungguh membimbangkan lagi keperluan barangan modal (capital good) untuk menampung kepesatan pembangunan tidak dikenal pasti akan menjadi ketara dalam setiap Belanjawan negara. Tiada langkah-langkah panjang untuk mengurus serta membuat peralatan dan jentera mesin-mesin. Jika sesebuah kren atau pengangkutan lori jenis low loader dibuat di sini dengan teknologi yang asas pasti kita dapat mengurangkan kualiti yang bermutu pada suatu hari.

Dasar pelajaran negara pada masa kini sungguh menitikberatkan pencapaian kelulusan daripada pengeluaran daya kreativiti dan reka cipta. Ini membuat setiap kuasa buruh kita stereotype, tiada daya kreativiti, daya pemikiran yang praktikal dan seorang yang mempunyai daya pencipta. Maka teknologi tidak dapat dihasilkan dengan golongan ini atas daya mereka sendiri. Cuba bayangkan jika remaja pada umur 12 hingga 21 tahun yang mempunyai minat dengan teknologi maklumat (IT) dan mereka didedahkan dengan bermacam jenis stimuli, dorongan, galakan dan easy asset, tidak hairan pengisian software yang lebih canggih dapat kita hasilkan. Delegate sendiri banyak meluangkan

masanya di banglow di India di mana ramai pakar perisian yang menolong menghasilkan software termasuk Window.

Setiap hari jumlah dagangan mencecah US\$1 trilion. Dagangan ini dapat digolongkan dalam kategori; pertama, peralatan; kedua, projek dan pembangunan (project and development); ketiga, logam (metal); keempat, komoditi; kelima, modal ekuiti. Setiap satu barangan fizikal itu mewujudkan satu dagangan kewangan antarabangsa. Cuba kita lihat contoh, seorang penoreh getah yang menoreh getahnya di kebun, hasil sekilogram pendapatan dari susu getahnya, jauh lebih rendah dari pendapatan yang diraih oleh orang tengah, pengeksport mahupun perdagangan komoditi antarabangsa (international commodity trader).

Kita bolehlah diibaratkan sebagai pekebun tani. Pengendalian perdagangan tidak berhenti di sini sahaja. Bila mana komoditi terlepas ke persisiran pantai di sinilah bermulanya suatu perdagangan yang lebih sophisticated dan kompleks. Ciri-ciri seperti ini, pertama ialah insurans dan pengangkutan (insurance and trade), dagangan mata wang asing (Forex Trading), hedging dan instrument kewangan seperti Prime Bank Guarantee (PBG). Kedua, Stand-by Letter of Credit (SBLC), Bank Guarantee (BG), Certificate of Deposite (CD), Provincing Loan.

Di sini kita tidak ada pengemudi, jaguhan atau pengasas yang boleh memberi pulangan yang lebih kepada komoditi logam yang asalnya dari negara kita, di mana kita lihat Singapura tidak mempunyai apa-apa komoditi tetapi Singapura mengatasi ekonomi negara kita dari segi kestabilannya. Cuba kita renung sejenak pengeluaran bahan komoditi terulung serta terbesar seperti timah, getah, minyak sawit dan lada hitam di Malaysia. Mengapa kita tidak menguasai destiny kita? Mengapa perdagangan pengeluaran kita hanya di peringkat pengeluaran? Mengapa di peringkat antarabangsa kita tidak dapat mengawal dan mempengaruhi pasaran dunia? Apakah kita kurang arif dengan instrumen dagangan antarabangsa hinggakan tokoh korporat kita tidak langsung mahir dengan mengurus dan mengendalikan risiko, hutang, hedging ataupun sebagainya. Mengapa Singapura mampu menjadi satu pusat kewangan antarabangsa (financial centre of the world) dengan nilai dagangan US\$400 bilion sehari dari dagangan tukaran wang asingnya (Forex dealing) sahaja? Mengapa sebuah negara yang tidak menjadi pengeluaran bahan mentah tetapi mampu menjadikannya pusat bagi perdagangan bahan itu dalam konteks pasaran dunia? Mengapa dibiarkan destiny kita ditentukan oleh faktor luaran hinggakan kita sendiri mendedahkan dan memberi peluang untuk mereka menentukan arah haluan ekonomi negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, masa sudah tiba untuk kita mencari dimensi baru dengan menentukan destinasi kita sendiri. Di sinilah letaknya peranan Majlis Bertindak Ekonomi Negara agar dapat memberi sumbangan dalam mencorakkan destinasi ekonomi negara kita. Semoga kita benar-benar bebas dan benar-benar merdeka. Apabila saya sebut Majlis Bertindak Ekonomi Negara yang saya katakan tadi *above board*, anggota Majlis Bertindak Ekonomi Negara, saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apabila anggota-anggota ini dilantik hendaklah terdiri dari mereka yang betul-betul pakar, mahir dan berpengalaman dan digabungkan dengan tenaga muda dan lama. Golongan lama yang saya cadangkan di antara lain yang boleh dipertimbangkan adalah mereka seperti Tan Sri Ghazali Shafie, Yang Berhormat Tengku Razaleigh Hamzah, Tan Sri Dato' Musa Hitam dan lain-lain lagi. Sekarang ini masa untuk kita berfikir untuk kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah juga menyatakan di sini apabila Belanjawan ini dibuat dan potongan-potongan dibuat di atas projek-projek mega, ada satu projek yang juga turut dibeku atau diperlahankan pelaksanaan, iaitu Projek Bakun. Saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan ataupun khususnya Kementerian Kewangan supaya memikir kembali, dalam kita hendak menentukan supaya mengurangkan defisit negara kita dalam menangani krisis ekonomi sekarang ini, memang kita menyokong projek-projek besar, projek-projek mega yang diberhentikan ataupun diperlahankan. Tetapi dalam menentukan projek-projek mega ini, kita haruslah berhati-hati dalam menentukan manakah projek yang tidak membawa manfaat kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Saya menyokong projek seperti Linear City yang merupakan *capital expenditure* semata-mata, ditangguhkan. Malah projek ini tidak perlu sama sekali. Sungai-sungai dalam Bandaraya Kuala Lumpur mestilah dipelihara supaya ianya kelihatan (*environmental friendly*), kalau kita hendak sebut Kuala Lumpur adalah satu taman atau sebuah bandar dalam taman. Kalau kita hendak tutup semua sungai macam mana Kuala Lumpur hendak jadi sebuah bandar dalam taman. Begitu juga projek-projek lain, malah projek Putrajaya sendiri patut diperlahankan, dan sudah pun diumumkan, projek Proton City dan macam-macam projek lagi dan sudah pun diumumkan.

Tetapi satu projek yang dahulu timbul kontroversi yang hebat, iaitu mengenai dengan Projek Bakun. Saya agak berbeza pandangan dengan setengah-setengah rakan dalam soal melaksanakan projek-projek mega ini. Saya berpendapat Projek Bakun ini, kita harus lihat Projek Bakun ini, dengan izin, adalah pada saya *it was intended to be the centre-piece or may stay as the country power national*

grid. Power is the life-blood to the national economy. It is power that turns every cost and will that turns the entire economy machine of the country. As such Bakun is one of the most important prerequisite of fundamental of the country economy.

Maknanya Projek Bakun tidak boleh dilihat seperti Linear City, Putrajaya, projek-projek bangunan mencakar langit, sebab pertumbuhan ekonomi sesebuah negara ianya bergantung kepada kuasa, enjin. Kuasa itu ialah enjin. Saya pernah baca sejarah Aswad Dam yang berada di Mesir. Dahulu waktu Aswad Dam hendak dibina oleh Kerajaan Mesir banyak pihak membantah dan pembaziran dikata berlaku apabila Aswad Dam hendak dibinakan. Tetapi hari ini Aswad Dam Mesir menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi di negara Mesir. Kita memerlukan banyak kuasa dan tenaga pada masa akan datang. Kita memperlahankan projek tersebut dengan alasan oleh kerana ianya begitu besar dan untuk mengurangkan kos defisit yang ditanggung oleh negara. Tetapi projek tersebut sudah dijalankan. Kalau hendak dijalankan pada masa hadapan apakah kos akan berkurangan ataupun kos akan terus berlipat ganda. Ini persoalannya.

Sebab saya menyatakan demikian, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, pada saya, even if the cost happen to have significant bearing on the deficit, postponing it would only mean postponing the cost which could be even more burdensome in the future. Maknanya lebih besar lagi pada masa akan datang. Ini berkait dengan soal pembangunan. Bila tidak ada api riuh-rendah rakyat di kampung. Kilang-kilang terpaksa ditutup dan ini mungkin berlaku. Kalau hendak dibuat pada masa depan kos akan bertambah. Paling menyedihkan lagi ialah waktu projek ini dilaksanakan dahulu banyak pihak menentang, golongan NGO, pertubuhan-pertubuhan luar negara terutamanya, media-media Barat. Sebab mereka lihat Projek Bakun ini dari segi jangka panjang akan memperkuatkan kedudukan Malaysia dari segi ekonomi, maka mereka terus membuat kecaman atas dasar alam sekitar dan seumpamanya. Kita mempertahankan habis-habisan. Tiba-tiba kita terpaksa tangguh, kita surrender seolah-olah kita submit kepada apa yang dituduh oleh pihak NGO dahulu bahawa projek ini membazir dan tidak diperlukan oleh negara. Manakala kita katakan tadi ianya penting oleh kerana ianya merupakan nadi kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya, dengan izin, it is a single biggest and most ambitious project our government and the private sector has ever undertaken. Its sheer size, magnitude and potential, promise to capture the spirit of Malaysian enterprise and vision to come on our brave new world for our people and nation. It was not just another mega project. Ianya bukan satu projek mega seperti yang

lain-lain. It was a piece of endeavour in partnership with good earth and mother nature to show the world that Malaysia has come of age and 'Malaysia Boleh'.

Kalau kita hendak menjadi sebuah negara perindustrian bertaraf negara maju tahun 2020 kita sudah menghadapi krisis ekonomi. Kejatuhan nilai Ringgit, hari ini pun macam-macam pengumuman dibuat, terpaksa menteri kena potong gaji, timbalan menteri potong gaji, termasuklah ahli Parlimen semua sekali kena walaupun tidak besar tetapi ini menunjukkan satu spirit bersatunya rakyat supaya menunjukkan pengorbanan, bila kita take the leads nanti, insya-Allah, apabila kita melancar kempen membeli barangan Malaysia, berjimat-cermat, saya akan mengatakan nanti ini caranya kepimpinan melalui teladan, saya menyokong.

Tetapi dalam hal itu pun kita kena berhati-hati, sebab projek yang saya katakan tadi penting. Kontraktor asal sudah pun menyerahkan balik kepada kerajaan, iaitu Ekran Bhd. yang sekarang ini kerajaan terpaksa mengambil alih. Kalau terpaksa kerajaan mengambil alih, pengumuman telah dibuat mengatakan projek ini akan dibuat secara perlahan-lahan. Saya harap supaya janganlah terbiar sebab sudah banyak perbelanjaan telah dikeluarkan sebelum ini dan ada pihak-pihak lain yang boleh rescue the project sepertimana PERWAJA Terengganu diambil alih oleh pihak swasta, kalau ada pihak swasta lain yang mampu untuk mengendalikan Projek Bakun ini, saya menyokong penuh supaya projek ini diteruskan dalam apa cara sekali pun walaupun kita mengambil kira soal defisit negara. Kita kaji berapa banyak sangat komponen yang membabitkan defisit berhubung dengan Projek Bakun. Apakah untungnya 10, 20, 30 tahun kepada generasi yang akan datang, kepada negara kita yang hendak jadi sebuah negara perindustrian. Ini soal dasar, soal ini harus dilihat dengan teliti. Ia tidak boleh dilihat ataupun dibandingkan dengan projek-projek lain. Saya bersetuju, projek lain sudah lama saya kata berhati-hati. Saya pun tidak bersetuju dengan projek-projek lain pada awalnya. Tetapi oleh kerana kita hendak jadi negara perindustrian, ekonomi kita kukuh, kita beri sokongan. Tetapi sekarang kita menghadapi masalah. Baik kita potong, tetapi bila potong itu biar berhati-hati, biar kena pada sasarannya, biar kena pada tempatnya.

Sebab itu saya katakan tadi, saya sokong potong gaji 10% daripada gaji pokok. Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara tidak ada gaji, dia ada elaun RM3,000, RM4,000 sebulan. Kalau boleh eloklah menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, pegawai-pegawai tinggi kerajaan potong elaun perjalanan. Saya baru difahamkan kalau seorang menteri keluar dari pejabatnya pergi ke Kelang boleh claim RM350. Mereka rasmikan apa juga seminar pun dia claim - claim, claim, claim kita tahu berapa

banyak. Kenapa ini tidak dikurangkan kalau kita betul hendak kurangkan. Rakyat tahu sebab ada dalam rekod. Saya sokong kalau hendak potong lagi pun potonglah. Kalau tidak ada gaji, tidak ada gajilah, kita jalan kaki. Tetapi saya tahu 'nawaitu' kerajaan ialah untuk menunjuk kepada rakyat, untuk menunjuk kepada negara, kita sedia berkorban, tetapi this is too small kalau kita hendak betul-betul ada kesannya. Saya cadangkan begitu.

Begitu juga pegawai-pegawai tinggi kerajaan, banyak seminar, keluar negeri, melawat sana melawat sini. Sekarang ini bercuti tidak boleh, sebab sedikit boleh menyelamatkan wang ringgit kita dari segi peribadi. Tetapi atas nama kerajaan janganlah pula seminar yang sepatutnya pergi lima orang tetapi pergi tujuh orang. Yang sepatutnya pergi seorang pergi dua orang. Pengarah terpaksa pula ada bodyguard, terpaksa pula ada pegawai kena bawa beg untuk check-in kapal terbang, tidak payah semua ini. Seorang pun boleh pergi, dua orang pun boleh pergi, baik menteri, baik timbalan menteri, baik setiausaha Parlimen, baik Ketua Setiausaha Negara, baik KSU apa semua kalau kita hendak betul-betul berkorban untuk negara, ini masanya. Kalau setakat 10% dari gaji pokok Ahli Kabinet tetapi terima juga elaun Ahli Parlimen. Bagaimana dengan Ahli-ahli Parlimen yang tidak ada apa-apa jawatan yang ada kawasan hendak dijaga, tetapi mereka juga bersetuju untuk dipotong, tidak ada masalah. Tetapi janganlah potongan itu kita lihat ada vacuum, ada kelonggaran di mana-mana yang saya kira kerajaan boleh lagi lakukan demi untuk rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini, yang saya sebut tadi ialah hal Bakun, hanya sekadar untuk difikirkan oleh pihak kerajaan kerana saya menyokong projek ini atas dasar. Ada orang tidak sokong projek ini sebab dia kata ini Ting Pek Khiing punya, ini kawan Dr. Mahathir punya, ini begitu ini begini, macam-macam. Dalam surat khabar macam-macam ditulis, I couldn't give a damn, dengan izin. Saya melihat sesuatu projek hendak beri kepada siapa berilah asal mana ia memberi kebaikan kepada negara. Hendak beri kepada siapa pun berilah asalkan ekonomi kita kuat, kita cukup tenaga, pada masa depan negara kita maju, rakyat makmur kita tidak kesah, berilah. Sebab harta dunia ini saya tidak pernah berebut pun. Maknanya tidak pernahlah kita dok gaduh, berebut maknanya projek-projek lepas satu, satu, lepas satu, satu. Sebab saya bersetuju dengan Perdana Menteri harta banyak mana pun buat apa. Tidak ada harga mee sepinggan sampai sejuta. Kalau mee mamak yang paling sedap sekali di Chow Kit Road harganya RM2.50. Kalau hendak makan sup tulang yang paling sedap RM1.50. Mati pun, bila masuk enam kaki dalam tanah kain putih yang kita bawa. Tidak ada mee harga sejuta. Pakai kereta besar harga tiga empat juta pun bila duduk di dalam tidak berasa apa-

apa pun tidak pula, bila kita duduk punggung kita berasap, macam itu juga. Boleh sampai ke destinasi juga.

Kita naik kapal terbang kelas pertama dengan kelas ekonomi sampai juga kapal terbang yang sama, turun pun sekali, tidak ada beza di antara first class, second class, tidak ada beza. Jadi, maknanya harta dunia ini saya tidak mahu sentuhlah, sebab orang bila bincang bab projek, dia kait sahaja, hal individu, hal kumpulan, hal orang. Saya tidak kesah. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, asalkan projek itu mendatangkan manfaat kepada rakyat, manfaat kepada negara, baik untuk masa depan generasi akan datang dan ianya dibuat secara transparent, pada saya, saya menyokong seratus peratus.

Ini concerned saya dalam hal ini, sebab itu saya tidak pernah bercakap soal-soal isu negara, membabitkan soal-soal harta karun ataupun harta dunia. Saya bercakap soal prinsip, sebab itu saya lihat projek Bakun ini penting.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak sentuh, ini hal dasar, saya tidak mengambil masa yang panjang sebab saya hendak bercakap di peringkat jawatankuasa nanti secara spesifik, banyak yang telah saya kumpul, ini untuk macam-macam kementerian dan saya warning awal-awal lagi, macam-macam yang akan keluar ini.

Apa yang saya hendak bercakap satu lagi hal dasar ini, baru ini saya telah sebut, pihak Kementerian Kewangan tidak jawab waktu perbincangan Perbekalan Tambahan, saya ada cadangan supaya Bank Rakyat satu lagi. Bank Rakyat yang kita tahu sejak tahun 1993 sehingga sekarang ini sudah mula menukar ke arah perbankan tanpa faedah, maknanya Islamic banking system yang mengikut dasar-dasar syariah. Saya menyokong! Soalnya sekarang ini bagaimanakah status kedudukan Bank Rakyat sekarang ini, baru ini kedengaran beberapa bulan yang lalu banyak pihak meluru-luru cari borang simpan deposit dalam Bank Rakyat kononnya Bank Rakyat ini akan dilistingkan macam projek KUB, banyak orang yang bercita-cita untuk menjadi jutawan, ini spirit bagus, spirit untuk maju.

Walau macam manapun saya hendak cadangkan Bank Rakyat ini simpan sahajalah, tak payahlah diswastakan. Kita bersetuju projek-projek ada agensi-agensi, ada pihak lain diswastakan macam pelabuhan, lebuhraya, ha ini boleh. Bank-bank pun pilih-pilih, Bank Rakyat ini sama dengan Bank Islam. Saya cadangkan sekarang ini memang ada cadangan, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pun sudah umumkan percantuman bank sekarang, Bank BSN Commercial hendak bercantum dengan Oriental Bank. Saya cadangkan supaya Bank Rakyat dicantumkan dengan Bank Islam ataupun dijadikan full flash, satu bank lagi iaitu satu Bank Islam, yang kedua iaitu menggunakan

Bank Rakyat sebagai bank Islam yang kedua bank Islam commercial seperti Bank Islam, ini Bank Rakyat. Tak payahlah, tak payah layan-layan lagilah, ramai lagi yang saya dengar, macam-macam kertas kerja yang telah dihantar kepada EPU, orang macam-macam sudah claim, orang itu sudah dapat, orang ini sudah dapat, asetnya RM7 bilion, saya percaya tak payahlah, tak payahlah. Simpan sahajalah yang itu, tolong beritahu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tak payahlah.

Ada institusi saya harap Bank Rakyat, Bank Bumiputra, Bank Industri, Bank Pembangunan, walaupun kita menyokong dasar penswastan, tetapi janganlah semua sekali kita swastakan, simpanlah sedikit-sedikit, kot-kot waktu panas nanti bolehlah kita guna, kalau hujan tak apalah, betul atau tidak? Bank Bumiputra terutamanya pun dengar hendak diswastakan. Dahulu pun bank ini ditubuh atas air mata rakyat. Saya dahulu masih muda-muda lagi, saya ingat lagi, saya tidak hendak ungkit cerita lama, ini cerita 13 Mei dahulu bila UPM, ITM ditubuh kemudian Bank Bumiputra ditubuh, saya tak hendak ungkitlah cerita-cerita dahulu, kita pun sudah matang, kita pernah compete base on merit sekarang ini, bangsa Malaysia satu bangsa tetapi apa yang tersirat itu janganlah kita lupa, sebab sejarah selalunya berulang, history always repeat, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya harap bank-bank seumpama ini dipertahankanlah, carilah gergasi macam mana pun simpanlah, simpan. Kalau hendak beri juga 30% atau 40% Tabung Haji. Tabung Haji, penyimpan di Tabung Haji accross the board sejuta lebih rakyat Islam simpan dalam Tabung Haji, beri kepada Tabung Haji saham-saham bersama-sama dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Permodalan Nasional Berhad ha ini, tak payahlah beri kepada individu 5% atau 10% tak payah, sebab ini pun kita sudah cukup. Jadi, saya harap kita hendak jawapan rasmi daripada pihak Kementerian Kewangan sebab inipun bank besar, jadi, sebab itu saya bangkit.

Tuan Yang di-Pertua, itu dua isu yang saya bangkit khusus, projek Bakun dengan Bank Rakyat, kedudukan Bank Rakyat. Tadi saya bercakap soal dasar menentukan destiny negara kita supaya kita boleh mengawal komoditi kita, cukup menghairankan, kita keluar getah, timun semua kita keluarkan, tetapi orang lain tak ada. Tetapi orang lain yang menentukan harga. Singapura boleh menentukan harga. Dahulu London dapat menentukan harta timah kita, sebab kita melihat, sebab itu penoreh getah kita, walaupun toreh getah dia miskin, walaupun kita pengeluar timah, orang yang ada timah pun miskin kerana harga orang lain yang tentukan, kerana urusan ni bila sudah jadi komoditi ini dia membabitkan soal pengangkutan, insurans, hedging dan macam-macam, ini yang kita tidak control, yang dapat faedah ini Singapura, Tokyo yang dapat faedah, Hong Kong yang dapat faedah.

Jadi, sepatutnya kita juga mesti menuju ke arah itu, malah kita lihat the local big players, termasuk Sime Darby pun tak buat, yang dia buat pergi tanam kelapa sawit di Filipina, turut juga melabur di Indonesia bermakna meluaskan perladangan tetapi dalam soal perniagaan ini supaya akhirnya kita dapat bawa balik, kita yang dapat menentukan sendiri harga-harga ini tentulah rakyat kita akan dapat faedah, kalau tidak selama itulah penoreh getah ini miskin, selama itulah pengeluar timah kita miskin, selama itulah kelapa sawit, sekarang ini betullah pendapatan golongan peneroka kelapa sawit, Alhamdulillah sekarang ini boleh beli kereta, tetapi mereka mungkin akan lebih kaya kalaulah kelapa sawit itu kita sendiri control. Kita tidak control, yang control di tempat-tempat lain bukan negara kita, ini masalah commodity trading. Jadi, saya harap kerajaan dapat melihat aspek ini dalam rangka strategi ekonomi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya kalau tidak sentuh hal PAS Kelantan memang tak sempurna ucapan saya. Yang akhir sekali, ini pun saya bukan hendak sentuh banyak-banyak sangat, jadi, wakil PAS tak usahlah bimbang, tak adalah banyak sangat yang saya hendak sentuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak sebut di sini baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Langkawi sempena LIMA baru-baru ini untuk memohon apa yang dikatakan soft loan atau pinjaman ringan dari Kerajaan Persekutuan. Saya baca surat khabar, saya tak tahu, saya base on newspaper report dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang membuat kenyataan, dia kata Menteri Besar Kelantan datang hendak minta soft loan, maknanya pinjaman ringankah, pinjaman lembutkah tak tahulah. Tetapi bila surat khabar tanya Menteri Besar Kelantan: "Tak ada, saya tak datang, saya tidak minta pinjaman, saya datang jumpa kebetulan sahaja, mari kerana jemputan LIMA." Itu pun sudah tidak ikhlas dah, dia malu hendak cerita dia hendak mari minta duit, hendak pinjam duit. Sebab dia malu ini oleh kerana dia tahu sekarang ini, kerana sebelum ini cakap besar maknanya rakyat Kelantan mesti sokong PAS, kita tidak payah bergantung kepada Kerajaan Pusat, kita boleh memerintah sendiri, kita mampu memerintah sendiri, semua sekali, awal-awal dia sudah beritahu hingga sekarang pun mereka bercakap, mereka akan mengatakan mereka boleh memimpin sendiri, tidak perlu kepada sokongan Kerajaan Pusat, tidak perlu itu, tidak perlu ini, mereka boleh buat sendiri, ha buatlah, buat apa hendak minta pinjaman lagi? Yang kita lihat Kelantan di bawah pentadbiran PAS semenjak tahun 1990 sudah pun memasuki era krisis kewangan, kita tidak hairan kenapa ianya berlaku kerana selama ini pemimpin-pemimpin PAS hanya pandai berkokok sahaja tetapi tidak bertelur. Makna seperti ayam dia tidak bertelur, bukan tidak ada

telur, tak bertelur. Jangan salah maksud pula! Ternyata mereka hanya pandai bercakap sahaja tetapi tidak ada kepandaian dan kewibawaan memimpin negeri dan rakyat ke arah kemakmuran. Mereka hanya pandai menjadikan agama Islam sebagai dagangan saham untuk kepentingan diri sendiri. Mereka mencari makan melalui politik dengan menggunakan agama Islam sebagai modal, imej Islam rosak dan rakyat seterusnya menderita, pembangunan yang ada di Kelantan sekarang ini pun hasil dari kerajaan dahulu Kerajaan Barisan Nasional sehingga tahun 1990 dan hari ini pun tidak sedikit Kerajaan Pusat mencurahkan wang untuk pembangunan rakyat di Kelantan.

Oleh itu Kerajaan Pusat hendaklah berhati-hati dengan permohonan kepimpinan PAS Kelantan ini, jangan sekali-kali terjerat seperti kata pepatah, 'melepas anjing tersepit di pagar yang akhirnya menggigit tuan'. Kerajaan Pusat boleh membela dan membangun rakyat Kelantan melalui agensi-agensi Kerajaan Pusat dan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP). Rakyat Kelantan juga harus sedar bahawa nikmat pembangunan sekarang adalah usaha dan pemberian Kerajaan Pusat iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

Saya menyokong bukan kata saya tidak bersetuju Kerajaan Pusat ataupun supaya Kerajaan Pusat berhati-hati pinjam duit kepada Kerajaan Negeri Kelantan bermakna saya tidak menyokong pembangunan negeri Kelantan, saya menyokong tanpa had sungguh-sungguh sebab saya juga orang Kelantan, saya mahu rakyat Kelantan membangun, maju seperti rakyat negeri lain, kemudahan infrastrukturnya sama seperti negeri lain, tetapi ini boleh dilakukan dengan menyalurkan peruntukan-peruntukan melalui agensi-agensi Kerajaan Pusat, melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan, sebab kalau diberi kepada mereka ini yang ternyata tidak upaya untuk mentadbir negeri akhir sekali ianya tidak memberi apa-apa manfaat, tidak lebih daripada memberi kekuatan kepada parti PAS untuk menggunakan wang tersebut bagi mengukuhkan parti mereka dan ini jelas berlaku, kita lihat sumbangan yang diberi kepada Yayasan Islam Kelantan, hari ini sudah dijadikan markas tarbiah PAS, guru-guru pun kalau hendak mengajar di sini mesti menyokong PAS, berbeza dengan sekolah-sekolah Kerajaan Pusat tak pernah tanya PAS ataupun UMNO sekarang ini, siapa sahaja boleh masuk, orang PAS, orang UMNO parti apa sahaja boleh masuk, kalau tidak percaya cuba tuan-tuan pohon hendak jadi guru Yayasan Islam Kelantan, pertamanya yang diceknya sama ada ahli PAS ataupun tidak, kemudian kena tarbiah, kalau tidak hancur. Ini yang berlaku kepada Yayasan Islam Kelantan. Itu yang diberi bantuan oleh Kerajaan Pusat, itu perkara yang berlaku, ramai sudah yang membuat sungutan, pernah saya bertemu dengan rombongan ahli-ahli jawatankuasa guru-guru daripada Sekolah Yayasan Islam

Kelantan mengadu perkara ini berlaku, begitu juga projek-projek lain. Projek-projek lain kalau mereka dapat tentulah orang-orang lain tidak akan merasa, mereka telah tuduh bila kita buat projek beri kepada orang UMNO sahaja, orang PAS kononnya kita lihat sekarang ini projek-projek kecil semua dibuat oleh pemimpin-pemimpin PAS maknanya mereka akan buat, mereka kata: “Tengok, tak duduk di bawah Kerajaan Pusat pun kita boleh maju, ini pemberian Allah S.W.T. bukan daripada Kerajaan Pusat.” Mereka bercakap dalam surat khabar senang, kenyataan TV senang terutamanya Menteri Besar Kelantan, tetapi bila balik di kampung-kampung dalam ceramah ataupun khutbah mereka terus menghentam kerajaan, mereka terus mencaci Kerajaan Pusat, lebih-lebih lagi menyalahkan kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang menyebabkan krisis ekonomi, buat kenyataan hendak sokong, bercakap di Dewan Rakyat kata hendak sokong, bila sampai undi depa cabut keluar, beri macam-macam alasan dan ini semua politik. Sebab itu saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri walaupun kita baik hati, tolong berhati-hati, jangan mudah, yang mana hak Kerajaan Negeri Kelantan kita beri, yang mengikut peruntukan Kerajaan Negeri Kelantan, kita beri.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya sudah jangka dah, dia bangun. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memang menunggulah sejauh mana Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim melepaskan hasrat, menyatakan, mengeluh, mengeji dan segala-galanya, saya rasa, kalau saya tak jawab tak sepatut, sebab saya datang mewakili Kerajaan Kelantan, cuma saya mintalah supaya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim menimbang dengan seadilnya bahawa segala ucapan kita, kita boleh berucap dalam dunia tetapi kita akan bertemu di depan Allah S.W.T. dan kita harus faham bahawa kita ahli politik di dalam menyampaikan pertimbangan bercakap, kita harus fleksiblekan cakap kita mengikut situasi yang sesuai.

Jadi, kalau hendak kata - kata, tetapi saya mintalah takkanlah sepanjang Kelantan melaksanakan pentadbirannya tidak ada sesuatu yang positif langsung, kalau negatif sepanjang-panjang pemerintahan di Kelantan, ahli-ahli UMNO, rombongan-rombongan yang datang daripada seluruh negara terdiri dari orang UMNO 100%, hendak pergi beli periuk pun (bagi wanitalah) pergi beli di Kelantan, hendak beli jagung pun di Kelantan, maknanya ada sesuatu ketahanan, kemantapan, hasil dari usaha Kerajaan Kelantan untuk menjaga ekonomi dan menjaga rakyat Kelantan supaya tidak dinaikkan

harga dan dikawal dengan begitu baik. Itu sahajalah jawapan saya untuk Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya beri peluang seluas-luasnya, sebab kita pun adil dan saya bercakap ini sebab saya tahu saya juga akan berdepan dengan Allah S.W.T. Sebagai orang Islam saya juga akan berdepan dengan Allah S.W.T., saya pun cuba sedaya upaya sebagai orang Islam pun sama dengan Ahli Yang Berhormat sama dan insya-Allah kita akan bertemu di Padang Mahsyar nanti, tidak ada masalah. Kena bicara, mesti kena bicara dan saya tidak boleh ubah apa yang kita bercakap Yang Berhormat sebutkan tadi, kita bercakap ini kena mengikut situasi yang sesuai. Ini sudah lain cakap bunyinya, macam mana situasi yang sesuai, kita orang Islam, cakap sebagai orang Islamlah, jangan jadi hipokrit, waktu begini - begini, waktu tak boleh - tak boleh - macam mana? Itu saya tidak jadi orang hipokrit.

Saya mengatakan tadi, saya mendedahkan benda yang benar. Ahli Yang Berhormat sendiri mengaku.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Nanti saya habis dahulu. Saya beri jalan nanti. Selepas ini saya akan beri. Yang Berhormat sebut tadi, takkanlah tak ada perkara yang positif berlaku. Yang saya maksudkan cara umum, kalau duduk di bawah Kerajaan Barisan Nasional tentu lebih baik tetapi Ahli Yang Berhormat akan mengatakan, tengok di Kedah, tengok di Terengganu - betul. Tetapi umum kita lihat. Kerajaan serambi Mekah saya sebut Kerajaan serambi Mekah, saya anak Kelantan, Ahli Yang Berhormat pun orang Selangor, saya anak Kelantan, saya bangga dengan nama Kelantan serambi Mekah, tetapi kita tengok apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan? Cawangan Universiti Al-Azhar ada di Kedah, ada di Johor, cawangan Universiti Madinah ada di Perlis, apa ada pada nama? Kita boleh letak bangku Islam, meja Islam

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Nanti dahulu! Nanti saya akan beri! Saya hendak habiskan ini. Apa ada pada perjuangan Islam yang dikatakan oleh PAS ini? Tak ada apa! Lebih baik cara yang lebih menyeluruh saya menyebutkan dari segi institusi pendidikan, dari segi sosial, dari segi pembangunan prasarana tentu lebih baik. Ahli Yang Berhormat kata tadi, tengok orang UMNO pun pergi ke

Kelantan, beli periuk dengan beli jagung. Saya hendak beritahu kepada Ahli Yang Berhormat. Periuk ini daripada Thailand tau, bukan PAS yang buat itu. *[Ketawa]*

Waktu Barisan Nasional memerintah dahulu pun banyak orang beli periuk di Kelantan, bukan sahaja periuk, itu toto semuanya daripada Thailand itu. Jagung itu pun daripada Thailand, janganlah pula projek-projek Thailand, Kerajaan PAS hendak mengaku - malulah! *[Ketawa]* Apa yang dibuatnya, sebab itu saya pernah tanya saya bukan bergurau, saya sokong kalau boleh Kerajaan Kelantan macam di bawah pimpinan PAS buat projek-projek kilang, sekurang-kurangnya kilang membuat ketayap, betul, saya bukan joke ini, buat kopiah ini. Kita belum ada lagi kilang membuat ketayap, diimport daripada Hong Kong, daripada China yang beli di Mekah itu semua itu tengok di Chow Kit Road itu made in Hong Kong. Buat di Kelantan kilang ketayapkah, kilang tudungkah at least/sekurang-kurangnya. Di Pengkalan Chepa sekali pun projek-projek perindustrian yang ada pun daripada Kerajaan Pusat, jangan hendak menyalah kepada Kerajaan Pusat, fasal Kerajaan Pusat tak beri duit tutup lubang paip, tak beri sokongan, itu ini macam-macam alasanlah, tetapi alih-alih PAS juga bercakap tak payah sokongan dari Kerajaan Pusat fasal kempen.

Saya awal-awal dahulu saya pun terpengaruh, saya mengaku, saya pun sama dahulu dalam tahun 1990 saya menyokong, tetapi bila sudah selepas tahun 1990 saya tengok selepas setahun rakyat saya menderita, projek tak boleh buat, takkan kita hendak beritahu kepada orang ramai ini kerana Allah S.W.T., itu kerana Allah S.W.T. macam seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri kita yang seorang itu 'kerana Allah S.W.T.', saya tak upaya, kita kena berusaha selepas berusaha kita serah kepada Allah S.W.T. tetapi ada benda yang kecil-kecil takkanlah kita tidak boleh berusaha.

Jadi, hendak pinjam duit ini untuk tujuan pembangunan soft loan, saya hendak mintalah Kerajaan Pusat berhati-hati, kalau tidak dia akan berjangkit, kan dia tunjuk kalau orang luar datang ke Kelantan, ha tengok beza bila PAS memerintah Islam kononnya di negeri lain, Terengganu pun boleh menjadi bahaya, Perak boleh menjadi bahaya, Kedah boleh menjadi bahaya, sebab itu kena berhati-hati, yang datang lurut janggut pun berapa kali lurut janggut. Nampaknya baik tetapi kita sudah tahu dah sandiwara mereka. Sebab itu saya minta perhatian, tetapi peruntukan yang ditentukan oleh Perlembagaan, ha itu saya sokong, jangan lengah-lengahkan, jangan tangguh-tangguhkan sebab kita pun orang UMNO, kita pun Barisan Nasional ini orang UMNO. UMNO ini Islam juga, jadi, kita janganlah kena soal nanti di Padang Mahsyar, beri - beri! Saya tidak kisah, saya menyokong penuh, jangan tangguh-tangguh, yang ditentukan oleh Perlembagaan, tetapi kalau hendak pinjam yang akhir nanti

menjadi masalah kepada Kerajaan Pusat, saya sudah dalam Dewan yang mulia ini, sekurang-kurangnya tanggungjawab saya, saya sudah cakap.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat pun sudah tidak berminat hendak bangun, saya pun sudah hendak berhenti

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Hendak bangun lagi? Ha, okay.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Bangun, bangun. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab dua, tiga perkara sahaja yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk tadi. Pertama, saya hendak ingatkan bercakap

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya minta supaya kita rujuk balik kepada Peraturan Mesyuarat, ini bukan soal jawab di antara Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dengan wakil dari PAS. Ini soal berbahas!

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menunggu peluang ya. Kemudian saya akan beri chance kepada Yang Berhormat sentuh di dalam Belanjawan ini. Sila Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Nasib baik Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua tolong selamat, kalau tidak teruk lagi kena! *[Ketawa]* Saya bergurau sahaja, jangan marah ya kak! Ini adatlah dalam politik, kita bercakap, kita mengupas dan orang PAS pun tak kurang juga serang kita macam-macam. Itu pun sedikit, saya kira saya pun dah baik sangatlah itu, kalau hendak dibandingkan dengan ucapan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu memang tak bolehlah, dah kira baik sangat dah. Jadi, jangan ambil hati ya.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, saya tidak ada apa-apa lagi, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1998. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal.

4.50 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun bersama-sama dengan rakan semua untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1998 ini.

Kita terlebih maklum bahawa RM32 bilion diperuntukkan kepada setiap kementerian, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan dan sebagainya, perkhidmatan Perbendaharaan dan pelbagai peruntukan Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Polis DiRaja Malaysia, Imigresen dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh sedikit, pertama Kementerian Pertahanan. Kita faham keperluan dalam Kementerian Pertahanan ini amat diperlukan demi kepentingan negara, tetapi di dalam kegawatan ekonomi kita yang sering menurun dari hari ke hari, kita harus berhati-hati untuk mengeluarkan perbelanjaan dan berjimat kerana beberapa perkara yang kita tidak sangka dari kawalan kita benda ini telah pun berlaku.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa di dalam Dewan yang mulia ini tidak siapa yang boleh sangka, dalam keadaan ekonomi kita yang mantap, kewangan kita boleh jatuh dengan begitu mendadak sekali. Kalau dalam tahun 1986 dan 1987 pasaran ekonomi kita agak merosot berdasarkan kepada pasaran saham kita pada masa itu turun ke hampir 7%. Tetapi pada tahun ini berlainan sekali kerana pasaran saham kita turun kepada paras yang terendah sekali 527 point mata daripada 1,200 lebih.

Saya mengingat kembali kepada sejarah ekonomi dunia 1929 masa itu saya rasa kebanyakan penghuni-penghuni Dewan ini masih lagi belum lahir bahawa kegawatan ekonomi itu melibatkan seluruh pelosok dunia termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom yang gagah pada masa itu yang merupakan jaguh ekonomi dunia juga tersungkur. Bagaimana OCBC wujud di dalam sejarahnya, Overseas Chinese Bank di Singapura, gabungan tiga buah bank, digabungkan untuk menjadikan sebuah bank itulah OCBC. Dalam sejarah memang saya baca kerana pada masa itu tiga buah bank yang demikian, tidak boleh berfungsi, tabungnya habis sama sekali digunakan untuk pembangunan, untuk pinjaman dan sebagainya. Jadi, tidak ada jalan lain, bergabung untuk hidup mencari nafas baru dalam bidang ekonomi semasa itu.

Kita khuatir kalau keadaan ini juga melanda negara kita seperti tahun 1929, masa itu di negara-negara Barat bukan sahaja ternakan dicuri malah gandum di dalam gudang-gudang yang disimpan oleh peladang-peladang juga disamun oleh tentera sendiri, bukan orang lain kerana pada masa itu makanan tidak cukup, keadaan kewangan yang amat sedikit, belanjawan yang terhad, mahu tidak mahu

kebanyakan tentera ini terpaksa menjadi penyamun, mencuri, merompak terang-terang pada waktu siang hari.

Jadi, kita mengharapkan ekonomi kita pulih. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan kita, Dato' Seri Anwar supaya setiap lapisan masyarakat di dalam Malaysia ini berganding bahu, mula dari suri rumah, keluarga hingga ke sektor pembuatan, sektor perkhidmatan dan juga kakitangan kerajaan. Kalau dikatakanlah satu ibu atau satu ketua keluarga yang menjimatkan perbelanjaannya sekitar RM1,000 untuk satu tahun ini dalam jangka masa 12 bulan daripada Disember 1997 ini kepada Disember 1998 hanya RM1,000, kalau kita mempunyai katakanlah tujuh juta keluarga hitung panjang di dalam negara kita, kita akan menjimatkan wang berbilion-bilion ringgit, itu cuma berjimat. Mungkin tuan-tuan dan puan-puan boleh katakan RM100 sebulan jimatkan, menabung dan saya selalu menekankan bila memberi ceramah di mana pelok kampung di sekitar kawasan saya, saya sering mengingatkan suri-suri rumah supaya mengurangkan pembelian aksesori yang tidak perlu, maksudnya kalau sekarang banyak direct selling dengan berbentuk macam-macam misalannya subang tetapi bukannya original, palsu tetapi harganya pun tidak murah dan pelbagai lagi kosmetik, bedak - berbedak juga kita, berwangi - berwangi juga kita tetapi jangan membebaskan diri.

Saya rasa dalam negara kita sudah cukup bahan-bahan yang demikian untuk digunakan. Ini ingatan supaya kita berjimat. Itu di peringkat bawah, di peringkat akar umbi yang mendukung ekonomi negara daripada bawah. Kalau rakyat kita tidak berjimat kita cuma menggunakan wang dengan sewenang-wenangnya duduk di coffee house setiap malam, berkorbanlah kerajaan sebanyak mana pun, kita tidak mampu menaikkan ekonomi kita. Saya percaya!

Itu yang saya hendak sentuh Kementerian Pertahanan kerana merupakan sebuah kementerian yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Saya masih ingat di tahun 1980an satu perjanjian pakej di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan British telah diadakan untuk membeli kapal terbang pejuang dan kalau tidak silap saya dua buah briged. Pada masa itu saya ingin mendedahkan kepada Dewan ini bahawa Euroshipyard itu hampir bankrap, tidak ada kerja dan pekerja-pekerjanya sudah hampir untuk diberi notis kerana Margaret Thatcher pada masa itu dia perlukan kemenangan di dalam pilihan raya, dia berpakat dengan kita secara rundingan maka pakej itu dijadikan, jadi Euroshipyard hidup kembali, tetapi amat malang bagi negara kita bahawa dua buah kapal briged yang kita pesan itu bukannya kapal

briged mengikut saiz yang kita hendak, ia merupakan briged tetapi kecil sedikit dan amat malang sekali bahawa kapal briged yang demikian tidak dapat digunakan.

Saya minta pegawai-pegawai mewakili Kementerian Pertahanan jawab soalan saya ini dengan surat, kalau tidak mahu jawab dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawab dengan surat secara rasmi dengan saya. Euroshipyard telah menyiapkan kapal ini tetapi amat malang sekali nadi di dalam kapal ini tidak dapat bergerak, sistem elektroniknya tidak bergerak, bayangkanlah kalau jantung kita tidak dapat kerjasama dari buah pinggang, dari limpa, dari paru-paru, apa akan jadi jantung, itulah ibaratnya. Bahawa sistem kawalan ini yang menggunakan elektronik adalah dibekalkan oleh syarikat yang mempunyai kepentingan dalam Euroshipyard iaitu GEC.

Apa yang saya ketahui bahawa kawalan ini tidak dapat di'centralised'kan dan senjata-senjata yang kita pasang di dalam kapal briged kita tidak dapat berfungsi. Saya percaya kalau kapal ini dibawa balik ke Malaysia di mana kita hendak letak? Saya cadangkan jadikan muzium di Melaka, tak boleh pakai! Dalam keadaan ekonomi kita yang menurun hari ini, saya menekankan bahawa batalkan sahaja kontrak kita untuk membeli dua buah kapal briged yang menelan berbilion-bilion ringgit ini, saya rasa tidak kurang dari RM2 bilion.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kita telah menghantar pelatih kita dari tentera laut memakan belanja RM15 juta untuk mengendalikan kapal ini. Kita telah hantar, dah pun balik, malangnya pula kapal tak boleh pakai, orang yang kita hantar itu setengahnya sudah pencen, setengahnya sudah naik pangkat dan sebagainya dan setengahnya itu ada, minta maaf Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sudah pencen jadi orang. Bermakna dia dua kali pencenlah, mula dia bersara sebagai pegawai, lepas itu dia bersara daripada manusia, maknanya dia sudah duduk di bawah, kita akan menggunakan lagi RM15 juta untuk hantar, kalau hendakkan juga kapal yang demikian untuk berfungsi di negara kita dengan keadaan yang tidak menentu. Inilah yang ada pada kita sekarang, kita harus berhati-hati, ini pertahanan negara, bukannya kapal pelancongan ataupun yacht yang untuk kita gunakan untuk melancong ataupun untuk pergi memancing ikan di samudera yang dalam, tetapi ini pertahanan negara. Itulah sebabnya tadi saya tekankan bahawa pegawai pertahanan yang ada dalam Dewan ini menjawab soalan ini nanti, jangan sewenang-wenangnya, kita batalkan sahaja kontrak ini - tidak perlu. Berbilion, kalau kita tidak beli kapal yang dua ini kita jimat RM2 bilion sekurang-kurangnya, itu tentang kekesanan peralatan elektronik di dalam sistem kapal, kita belum tahu lagi

penyakit yang lain, kita tak tahu gear box dia bagaimana, enjinnya bagaimana, kipasnya, propellernya macam mana, itu kita belum kaji lagi secara yang tidak boleh ditutuplah maksudnya. Perkara ini sudah tidak boleh ditutup lagi.

Saya tidak tahu bagaimana untuk mengatasi sungguh pun dalam kontrak itu apa yang saya dapati bahawa kontrak itu kalau menggunakan late charges, denda kelewatan tetapi malangnya dalam agreement, dalam perjanjian itu tercatat hanya setahun membayar kelewatan lepas itu tidak payah bayar lagi dah, maknanya sudah habis tempohnya. Tetapi malang bagi diri kita, senasib dengan kapal juangnya juga, kapal perang itu dan ada orangnya pun saya tak tahu dari British Aerospace selalulah, saya kasihan juga kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Pertahanan ini, rambutnya pun sudah kurang sedikit kerana memikirkan hendak beli spare part itu pun susah hendak dapat, jenis yang macam ini juga yang ada pada kita, inilah pakej yang ada sampai dituduh oleh parti pembangkang di Eropah kita sebagai korupsi dan sebagainya termasuk dalam pakej ini juga, kita amat malang sekali.

Jadi, saya memohon kepada Kementerian Pertahanan supaya memperbaiki keadaan, keadaan ini sudah tidak boleh diperbaiki terutama dalam ekonomi kita yang tergugat ini, dengan pertukaran Pound Sterling yang amat tinggi. Pada masa dahulu saya masih ingat lagi apabila saya hantar anak saya belajar di sana cuma RM3.89 dan pada hari ini saya hendak hantar untuk anak saya RM6.40, saya rasa tak mampu hendak beri, tetapi cuma anak saya ada enam bulan sahaja lagi - tak apa korbankanlah. Inilah kalau pada kadar Pound Sterling RM6.40, saya rasa kita tidak tahu berapa ratus juta lagi kita perlukan peruntukan khusus untuk dua kapal brigned yang bakal hendak dimasukkan dalam muzium. Saya mintalah, saya tahu pegawai dari Kementerian Pertahanan ada di sini supaya menjawab dengan secara baik, jangan sekali-kali lepas batuk ditangga sahaja, menjawab dengan secara sambil lewa. Perkara ini betul, cuba semak balik, kerana kapal brigned ini saya dahulu berminat, kalau tidak silap saya gambar sebuah kapal brigned melalui River Ten saya ada ambil sendiri gambarnya, memang hebat dan cantik tetapi itu yang mereka pakai, yang dia beri kepada kita ini langsung tidak boleh pakai kerana yang malang sekarang dia tidak boleh bertukar sistem itu kerana GEC ini sendiri mempunyai saham, dia yang control Euroshipyard ini, itu yang masalah. Ini yang masalah kepada Euroshipyard ini kerana pembekal kepada sistem kawalan elektronik adalah kepunyaan GEC, pada hal GEC ini adalah merupakan dengan izin, parent company, jadi pembatalan sistem kontrak itu tidak akan dapat dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Adalah lebih baik potong sahajalah dan lupakanlah brigned itu kerana saya rasakan kalau kita mampu membuat PV projek di negara kita sendiri, di Lumut yang kita

cadangkan 26 biji dan sekarang kita telah anugerahkan kontrak ini kepada German Naval Group (GNG) sebanyak 6 biji, jadi ini kemampuan negara kita untuk membina kapal perang, apa salah dua brigid ini kita batalkan sahaja, kita buat di negara kita menggunakan design di peringkat antarabangsa yang lebih canggih, yang lebih baik dengan sistem kawalan dari luar negara yang tidak bertumpu kepada Kerajaan British sahaja. Kita boleh dapat sistem daripada Amerika, sistem daripada Jerman yang lebih canggih dan lebih baik. Kita ada rakan kita di negara Jepun dan sebagainya, apa kurangnya Fujitsu lebih canggih dan juga Toshiba. Kawalan kapal selam yang paling baik menggunakan sistem kawalan Toshiba yang hinggakan Rusia juga berminat untuk mewujudkan teknologi ini ke Rusia pada ketika itu. Tidak ada salahnya kalau kita sendiri mengambil iktibar ini untuk membina dua buah kapal brigid ini di dalam negara, ini menjimatkan kewangan kita.

Begitu juga saya terbaca dan saya amat bangga dan baru-baru ini juga saya melawat LIMA berkesempatan untuk bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasmikan Pelancaran Pameran LIMA. Di situ juga saya berkesempatan melawat ruang-ruang pameran Maritime, kita lihat negara kita boleh membangun di dalam arena pembangunan dalam membuat kapal dan sebagainya, kita ada Sabah Shipyard, kita ada Johor Malaysian Shipyard Engineering, kita ada Naval Dockyard, tetapi sampai hari ini kita tidak implemenkan, perkara-perkara ini tidak dilaksanakan. Kalau masa 30 tahun dahulu kalau kita bercakap bahawa Malaysia akan mengeluarkan kereta sendiri, ha! Dia kata budak ini sewel, dah. Orang tuduh kita sewel atau minta maaf dengan kata gilalah. Tetapi sekarang kenyataan bahawa banyak ahli-ahli penghuni Dewan ini yang membawa Proton, Wira dan sebagainya. Terbayangkah kita 20 tahun dahulu bahawa Wira akan wujud di negara kita? Tak terbayang kerana kita pada masa itu memikirkan untuk makan, minum, untuk mendidik anak, untuk memberi anak pendidikan, tidak ada yang lain. Tetapi sekarang telah menjadi kenyataan, ini juga PV project, brigid, saya rasa tidak masalah, di dalam kehairahan kita membina brigid dan PV ini yang sebanyak enam buah pada peringkat awal yang diberikan kepada German Naval Group, saya menyarankan bahawa sepatutnya sekali lagi kepada pegawai Kementerian Pertahanan untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana Menteri tidak ada pada petang ini, Timbalan Menteri pun tidak ada, supaya 30% daripada komponen yang di dalam kapal PV ini atau bot peronda yang kita katakan lebih kurang hasil daripada dalam negara. Siapa kata Malaysia tidak boleh buat pintu kapal, siapa kata Malaysia tidak boleh buat kipas kapal, hendak APP, CPP cakap sahaja, kita boleh wujud dalam negara kita. Yang CPP itu pun tidak pernah mimpi boleh diwujudkan di negara kita

kerana teknologinya tinggi, dia punya cuping itu boleh bergerak dan tidak payah pakai kemudi yang menggunakan auto hidrolik sistem tetapi kita boleh keluarkan dalam negara kita kerana kita telah pun membekalkan CPP ini ke luar negara.

Rekod saya ada, kita pernah membekalkan CPP kepada tentera Sweden, untuk makluman Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita bekalkan kepada tentera Sweden CPP yang dibuat dalam negara kita tetapi orang tak tahu, tak perlu kita lagi hendak import CPP dari luar negara, dalam negara kita ada, saya minta kementerian memikirkan lebih baik bahawa setiap barang komponen yang boleh dapat di dalam negara jangan diimport dari luar negara, jimatkan kewangan kita, itu penting. Kita sudah tidak mampu belanja besar lagi kerana pertukaran wang asing ini memang hebat walaupun keadaannya kadang-kadang 5% perbezaan pertukaran, tetapi bila sampai ke bilion Ringgit, tuan-tuan harus tahu berapa jumlah yang sebenarnya terlibat. Itu mengenai Kementerian Pertahanan.

Dan juga saya ingin menyentuh kepada Kementerian Perusahaan Utama terutama dalam Jabatan Hutan, saya tahu dalam Dewan ini ada wakil dari Jabatan Hutan. Pada masa Kerajaan British memerintah negara kita, perangkaan undang-undang perhutanan dibuat, digubal dan dilaksanakan. Pelbagai bentuk peraturan terbentuk dan bila merdeka kita pinda dan tertakluk kepada keadaan semasa, kita pinda dan pinda sehinggalah saya rasa dalam tahun 1994 atau 1993 satu pindaan Akta Hutan Negara yang terkini terbentuk tetapi dalam meminda kaedah perhutanan itu ada satu kesilapan sedikit bahawa pada masa itu cukai 'rampai' dimansuhkan dan diperketatkan. Maksudnya cukai 'rampai' ini pada setiap negeri, sekarang saya sudah ambil sensus atau bancian bahawa kita kehilangan kewangan cukai untuk kayu-kayan ini sebanyak tidak kurang bagi setiap negeri sebanyak RM2 juta setahun, bayangkan kita ada berapa negeri, berpuluh juta kita hilang.

Mungkin dalam Dewan ini tidak pernah mendengar 'kajang' iaitu serupa mengkuang, tetapi saya tahu pandai berpantun sahaja, "kajang tuan kajang berlipat, kajang saya mengkuang layu", 'kajang' pun tak kenal - saya pasti. Cukai kajang, cukai rotan, cukai buluh dan macam-macam lagi petai juga kena cukai yang kita beli di pasar itu, 0.50 sen satu ikat, itu cukainya, tetapi amat malang sekali sekarang, cukai ini tidak dikutip mungkin Kerajaan Persekutuan tidak dapat cukai itu barangkali dia tidak peduli mungkin, tetapi negeri-negeri termasuk Sarawak, Sabah, Pahang, Terengganu, Kelantan semua sekali, Perak sebuah negeri yang tidak begitu luas hutannya pun terasa sangatlah cukai ini lari begitu sahaja.

Saya telah pergi bertanya sendiri ‘turun padang’ tanya orang yang tebang buluh, dia kata: “Kepada siapa hendak saya bayar?” Ia juga, saya katalah ambillah permit. Dia kata: “Encik, hendak ambil permit enam bulan, buluh ini pun dah mati balik, baru dapat permit.” “Dahulu saya senang tebang-tebang saya pergi jumpa pegawai hutan yang beruniform, saya bayar dengan borang 2.” Borang 2 (form 2) kaedah-kaedah hutan, cukai-cukai serba serbi ditulis, resitnya saya ingat lagi biru warnanya. Tetapi sekarang tidak dilaksanakan kerana takut pegawai-pegawai yang beruniform di dalam Jabatan Hutan ini yang melesapkan kewangan, tetapi di sebalik itu apabila lulus sahaja rang undang-undang yang baru itu, benda ini mansuh kena buat permit, orang kampung susah, bayangkanlah. Dua perdu buluh hendak pergi enam bulan buat permit. Tak boleh cepat pun, kita tak salahkan Jabatan Hutan. Jabatan Hutan tak mampu hendak buat cepat pun kerana ia ada caranya kena periksa, kena buat laporan, ranger Jabatan Hutan kena lapor kepada pegawai hutan daerah. Pegawai hutan daerah kena lapor kepada pegawai hutan negeri lepas itu kena hantar ke Pejabat Menteri Besar, baru Menteri Besar sign, baru turun balik ke bawah, mana buluh itu tak mati - mati, lama sangat tunggu, kalau yang sudah ditebang habis reput.

Ini lagi satu masalah apabila kita ghairah, kita membaiki untuk memperjuangkan nasib kilang perabut seluruh negara, semua orang kesihan tengok perabut, haramkan eksport kayu ini, nyatuh tak boleh eksport sebagai contoh, kena simpan, cengal tak boleh eksport fasal hendak buat perabut, kayu yang lain tak boleh buat - patah. Semua tidak boleh eksport kalau hendak perabut. Tetapi kita tidak pernah terfikir dalam kampung-kampung kita beribu-ribu hutan ada kayu yang tidak pernah dimanfaatkan oleh kita di dalam negara kita. Contoh apa yang tidak boleh dibuat perabut, kayu bunga, kandis, durian, sentang yang sekarang sedang sibuk sangat Jabatan Hutan tanam sentang semua, pantang lapang sahaja hutan itu - bagus. Dia tanam sentang cantik-cantik, besar cepat, tetapi sentang itu adalah berasal dari kampung kerana pucuknya dibuat ulam - hebat, kayunya cantik. Apa salahnya jenis-jenis kayu ini kita manfaatkan untuk jadi perabut.

Saya minta Kementerian Perusahaan Utama mengkaji supaya kelonggaran diberikan kepada penduduk-penduduk kampung memotong kayu ini dan menggunakan kaedah Jabatan Hutan, di bawah cukai serba serbi untuk dimanfaatkan kayu-kayu kampung ini menjadi sebahagian dari komponen kayu perabut untuk dieksport ke luar negara. Tengok nyatuh cantik tetapi mereka tidak tahu dalam kampung ciku itu pun nyatuh, ciku adalah keluarga nyatuh. Apa salahnya ciku yang besar-besar serupa juga pokok cempedak. Cempedak dalam kampung bukan main-main, satu pokok itu saya ingat kalau boleh

di pasaran, kayu mentahlah, kayu bulat lebih kurang dalam RM1,000 lebih untuk satu pokok. Masalah yang timbul kepada orang kampung, mereka ada pokok ini dia hendak tanam semula dalam kebun getah dia, hendak tanam semula pokok kena tebang, takkan boleh jadi dia tebang pokok getah, pokok itu tak tebang, dia tak dapat bantuan. Jadi, terpaksa tebang semua, tebang semua dia 'ketung-ketung' dia bakar, bakar jadilah masalah jerebu. Hendak dijual tak boleh - salah. Apa salahnya kita beri kelonggaran kepada orang-orang kampung yang jadi penyokong-penyokong kita, pengundi-pengundi kita, setia kepada Barisan Nasional kecualilah tadi Kelantan ini. Apa salahnya? Beribu-ribu ringgit itu bukan murah, bayangkanlah pokok cempedak itu yang 30 inci itu berapa cubic meter ada di situ isi padunya. Kayu getah sekarang maha hebat RM1,400 tetapi kita tidak pernah merancangkan ladang hutan getah, kita implemenkan, laksanakan, Jabatan Hutan dan Kementerian Perusahaan Utama harus melaksanakan, harus memberi grant dan sebagainya kepada Jabatan Hutan supaya ladang hutan getah diwujudkan dalam negara kita, jangan proposal sahaja, laksanakan.

Saya tahu banyak kali perbincangan diadakan tetapi ladang getah hutan tidak dilaksanakan, kalau kita tidak ada orang yang menoreh getah tak apa, tanam getah kerana kayu getah yang siap diproses pada hari ini RM1,400 pada setiap 1.7 cubic meter maknanya satu tan, satu meter tidak kurang daripada RM800, satu meter kiub dengan izin. Kenapa kita tidak memanfaatkan perkara ini, buat ladang hutan (balak) getah, kita tahu orang tidak boleh toreh getah, orang semua sekarang dengan keadaan negara kita yang mencabar, dengan industri yang membangun, tetapi kita boleh tanam getah jadikan hutan (balak). Saya percaya dalam 25 tahun diameternya boleh dapat dalam 20 inci dan di dalam sampingan kita boleh tanam pokok hutan manau dan sebagainya, kenapa saya bercakap begini kerana saya datang dari kampung, saya tahu keadaan kampung, mana orang yang duduk di bandar dia tidak tahu apa dia manau, apa dia kajang yang saya katakan tadi, cuma tahu berpantun.

Itulah kita kena memanfaatkan kewangan negara. Saya percaya getah kalau kita wujudkan ladang getah bukan setakat 25 tahun, dalam 15 tahun atau 16 tahun sahaja kita sudah ada hasilnya, rotan kita dapat pada masa itu, kayu kita dapat pada masa itu, ini manfaat kepada negara terutamanya penduduk-penduduk yang miskin di luar-luar bandar. Kita bantu mereka, okay tanam getah, kita beri mereka bantuan, itu tidak termasuk dalam RISDA dan sebagainya, ini katakan ladang getah harus wujud. Semacam di Thailand sendiri, saya membaca satu artikel Jabatan Perhutanan Thailand, mereka di sana sebelah atas Bangkok di sana hendak tanam pokok ini hendak jaga, mulakan kos yang tinggi, jadi, dia menggunakan satu sistem tanah ini - katakan sepuluh ekar atau dua puluh ekar dia beri kepada satu

penduduk kampung, dia beri benih kayu jati, dia beri benih jagung, dia beri benih padi, tanam padi, tanam jagung sampai sepuluh tahun dia pindahkan orang ini ke satu tempat yang lebih baik. Jadi, kayu jati itu sudah besar, sudah boleh hidupnya secara tidak perlu dipelihara dan manfaat kepada negara amat baik. Sekarang projek yang di utara Thailand itu sudah menjadi kenyataan yang amat baik, jatinya amat baik dan bagus, kita pun tak salah kalau berbuat begitu. Mana-mana orang-orang kampung yang tidak begitu bekerja, ekonominya terdesak, kita beri kawasan yang lapang di pinggir-pinggir hutan biar dia tanam, kita bantu mereka dengan secara grant, itu satu daripada cara-cara untuk menghidupkan negara kita.

Penjara. Ini pun sejak kita tegur-tegur yang telah lalu, nampaknya banyak improvenya. Saya tengok penjara pun sekarang sudah hebat juga dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan mereka antara banduan-banduan dan pelbagai lagi yang telah diwujudkan. Saya rasa itu amat memberangsangkan dan saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana menjalankan peranannya di dalam penjara meski pun penghuni-penghuni penjara itu adalah kita anggap penjenayah, orang yang tidak begitu boleh dipakai akan tetapi dengan adanya aktiviti-aktiviti sedemikian, saya rasa kita akan dapat menyelenggarakan mereka dengan baik.

Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Saya ingin memperkatakan tentang Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ini sedikit sahaja. Pada masa dahulu kita ada mewujudkan satu jawatan kontrak iaitu pengembang koperasi, tetapi amat malangnya di saat pertengahan tahun sudah benda ini telah dibatalkan, jadi keluhan mereka dari pengembang koperasi datang berjumpa dengan saya, tanya kami ini hendak ke mana pun tak tahu, tetapi masih lagi mereka bekerja, bila ada koperasi-koperasi di kampung datang berjumpa dengan mereka, mereka masih lagi memberi perkhidmatan menerangkan keadaan di mana hendak dibuat.

Jadi, saya rasa pihak kementerian harus menimbangkan kembali terutama Kementerian Kewangan, saya rasa tentang peruntukan ini bukan tentang lain, saya rasa lebih baiklah kita beri balik kepada mereka elaun-elaun yang perlu supaya gerakan koperasi ini dapat kita mantapkan, maklumlah koperasi ini bukannya semua yang besar, bukannya semua duduk dalam bandar, bukannya semua duduk di bangunan-bangunan pencakar langit, ada setengahnya di pondok-pondok buruk, di dewan-dewan sahaja, di persekitaran kampung pedalaman.

Jadi, kalau kita sendiri tidak ada masa, pegawai-pegawai koperasi daerah hendak datang pada setiap bulan, saya rasa pengembang koperasi memainkan peranan yang amat penting, mereka boleh

menyalurkan maklumat-maklumat Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi kepada peserta-peserta koperasi dan ahli-ahli koperasi. Ini saya rasa penting, haruslah kementerian mempertimbangkan elaun-elaun mereka kembali, bukannya banyak, kalau gamak-gamakkan kita hendak berjimat, kita beri setengah sahaja, tak perlu beri semua.

Jadi, saya rasakan mereka ini pun juga menyokong kerajaan dari masa ke semasa. Jadi saya rasa perlulah kita memberi mereka insentif dan janganlah kita macam menutup pintu rezeki mereka, mereka ini pun ada keluarga, ada keperluan dan ada tanggungjawab.

Lagi satu saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini dipertanggungjawabkan untuk membina jalan dalam kampung atau jalan luar bandar, tetapi di akhir-akhir ini saya tidaklah berjumpa sendiri dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, akan tetapi melalui akhbar saya terbaca bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menswastakan atau memberi kepada pihak swasta untuk membangunkan jalan-jalan yang ada dalam kampung secara berkelompok atau konsortium kepada kontraktor yang kelas 'A' yang berwibawa. Saya peka dan terharu bahawa penghuni-penghuni dan ahli-ahli kontraktor yang kelas 'F', saya percaya kelas 'F' ini akan menjadi mangsa nanti dan kita lihat hasilnya akan berlaku kerana kelas-kelas 'F' ini selama ini merekalah yang menjana jalan di luar bandar, kadang-kadang saya sendiri melihat keadaan mereka membuat quotation adalah semata-mata untuk mencari nafkah untuk anak dan isteri di atas kadar keuntungannya kerana mereka hanya mampu kadar keuntungan yang rendah kerana mereka tidak perlu menggunakan jurutera, juruteknik dan sebagainya, merekalah juruteknik, merekalah jurutera dan cuma ditentukan mutunya oleh pejabat daerah ataupun pejabat kemajuan negara. Akan tetapi dengan konsortium yang demikian, saya rasa rezeki mereka akan terhakis, bayangkanlah mereka yang kelas 'F' inilah penyokong kerajaan yang paling kuat. Melalui kesatuan-kesatuan pendorong, kelas 'F' inilah yang beria-ia di dalam kampung dan beria-ia di simpang-simpang jalan pada pilihan raya membantu kita. Kita harus fikirkan, jangan kita potong rezeki mereka. Bayangkan kalau kontraktor yang kelas 'A' yang berwibawa itu mempunyai pemikiran yang baik, yang bertimbang rasa, bagaimana yang tamak, mereka tentu sudah ada orang hendak buat, dia beli mesin sendiri, bagaimana nasib yang kelas 'F' ini.

Di sini saya juga merasakan perlu dikaji semula dalam keadaan ekonomi kita yang macam ini, kalau kita mengurangkan kerja mereka maknanya ada manusia yang akan menganggur, bila ada manusia menganggur akan ada masalah sosial kita. Ini kita kena pandang dari masa ke semasa. Jangan

kita rasakan, oh kelas 'A' berwibawa dan mampu, ada juga kontraktor yang berwibawa tetapi lambat menyiapkan kerja mereka. Saya tak mahu cakaplah syarikat mana - ada! Buat sekolah, hendak tunjuk sekolah, saya boleh tunjukkan, patut 18 bulan time frame sudah jadi 36 bulan, bila ditanya kenapa lewat, jawabnya hujan, kenapa hujan, Allah S.W.T. dia kata. Jadi, inilah yang ada, jadi dari situ saya rasa lebih baiklah kita mengkaji semula.

Lagi satu dalam perkhidmatan ini, saya rasa dan saya mintalah kepada kementerian yang berkenaan ini Pusat Khidmatan Kontraktor dengan CIDB, yang mana hendak pakai pun saya tidak tahu, kalau kata orang ini, ha saya betul, saya berkuasa, kalau tak ada lesen saya tak boleh kontrak, datang pula PKK bosnya, hei kita yang berkuasa, tengok kalau tidak ada PKK punya lesen? Betul! Tak boleh tender. Lepas itu bila pergi lagi tidak ada CIDB pun tidak boleh tender, yang digunakan kedua-duanya ini pun fungsinya sama, saya tidak nampak perbezaan yang terlalu jauh, saya sarankan dalam ekonomi kita yang gawat PKK ini mansuhkanlah. Tutuplah jabatan PKK, pakai satu CIDB. Saya rasa CIDB ini fungsinya lebih baik, kepakaran-kepakarannya lebih baik.

Saya rasa PKK ini membuang duit negara dan saya sudah tidak nampak pun PKK ini memberi sumbangan kepada kontraktor-kontraktor yang baru hendak berlatihlah, yang sedang berlatihlah, yang sedang buatlah, kursus pun tak buat. Saya tidak nampak PKK negeri Perak buat kursus sehingga hari ini, saya rasa sudah empat tahun. Kalau ada, bukan saya cabar, tunjukkan tarikh bila dibuat, siapa rasmi? Saya percaya tak buat, marahlah kepada saya kerana ini perkara yang benar, saya terpaksa dedahkan dalam Dewan ini. Dahulu belum lagi siang dia sudah tanya kita bila boleh masuk kursus, sekarang senyap sunyi, tak ada apa kursus. Orang-orang yang baru dapat kelas "F" ini meraba hendak mencari panduan dan kursus, tak ada.

Saya minta kementerian ini peka terhadap PKK. Kalau tiap-tiap hari hendak duduk sahaja dalam pejabat mengeluarkan lesen, tidak payah duduk dalam pejabat, merugikan duit negara dan duit rakyat, rakyat yang bayar cukai, kita kena peka ini, tutup, tambahan lagi dalam kegawatan ekonomi negara yang mendadak macam ini. Saya rasa ada kementerian-kementerian yang jabatannya tidak begitu berfungsi, saya ingat lebih baik gabung sahaja supaya dapat kita menyelaraskan. Bukan saya mencabar kewibawaan PKK, tetapi saya tahu, malas hendak cakaplah, kalau cakap lebih-lebih sangat, besok Ketua Pengarah pun tak puas hati, nanti lesen kita pun bubuh di bawah senarai hitam. Yang Berhormat punya kontrak ini tak usah renew, dia kata, ini selalu mencerca kita. Bukan mencerca, saya menerangkan keadaan ini.

Sepatutnya kursus-kursus diadakan pada tiap-tiap tahun, dialog pun tidak berani buat sekarang ini. Saya tidak berdialog dengan PKK negeri Perak, saya ingat pegawai PKK pun ada di sini, sudah tiga tahun, hendak masuk empat tahun. Rindu memang rindu dengan orang-orang PKK ini, langsung tidak nampak wajah-wajah mereka, mencari kontraktor-kontraktor berdialog, apa masalah kontraktor, apa yang tak cukup, kenapa projek lewat. Apa salah kumpulkan kontraktor-kontraktor ini berdialog, takutkah hendak tanya kontraktor-kontraktor, apa salahnya, kewajipan kita menerangkan kita terangkanlah mana yang boleh kita terang, yang tidak boleh diterangkan kita tak usah terangkan, tetapi tidak, gaji ambil juga, peruntukan besar juga, makin lama makin banyak. Kalau peruntukan itu makin lama makin kecil, daripada RM1 juta jadi RM800,000, lepas itu turun RM500,000 tak apa, tetapi ini makin lama makin banyak.

Bukan saya menyeranah - tidak, ini cerita terang-terang tentang PKK ini, tutup, kerana banyak kakitangan PKK itu pun dipinjamkan dahulu berasal dari Jabatan Kerja Raya, masukkan semula mereka ke dalam Jabatan Kerja Raya, tugaskan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya pun saya rasa sihat, kerja pun bagus, lancar, Dato' Seri S. Samy Vellu pun boleh senyum selalu kerana semua kerja beres. Ini kadang-kadang JKR pun lewat sedikit kerana dia pun kadang-kadang kata macam mana nak buat, tak cukup kakitangan, jadi ambil balik Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) ini bawa balik ke JKR, mansuhkan.

Lagi satu dalam perkara yang lain, saya hendak menyentuh Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, Parlimen ini ada peruntukan RM36 juta, banyak ini, hebat. Terima kasih kepada kerajaan kerana peruntukan RM36,723,100 tetapi kadang-kadang banyak Ahli Yang Berhormat Dewan ini menegur. Dewan ini merupakan satu Dewan yang mulia, inilah melambangkan negara Malaysia. Saya bangga apabila melihat Rumah Parlimen ini pada masa dahulu bukan semua orang boleh masuk, saya masa itu pun tak boleh masuk, kalau tak ada hal, tak ada pas, tak boleh masuk, tetapi saya lalu sahaja masa mula-mula hendak buat, baru sedang cat, saya ingat lagi, saya amat bangga pada diri saya, inilah melambangkan negara Malaysia bahawa kita mampu berdikari menerajukan negara kita, tetapi di dalamnya biarlah elok sedikit.

Saya bukan hendak menegur macam mana, kadang-kadang saya tengok di atas itu pun cuma ada satu meja, ada satu kerusi, lepas itu sawang pun sudah penuh, sebab itu dia jadi seram, orang pun takut naik ke atas, orang kata berhantu, kerana keadaan itu. Tetapi kalau kita pinda sedikit keadaan dalam itu, kalau Yang Berhormat datang daripada Sarawak dengan penerbangan pada pukul 11.00 pagi,

saya rasa boleh berehat sekejap, mandi dan sebagainya, pukul 2.30 petang boleh masuk Dewan dengan sempurna, dengan keadaan yang ceria, dengan badan yang segar selepas mandi. Apa salahnya kita manfaatkan bangunan yang ada itu cuma dengan kos yang sedikit, kita siapkan 5-6 bilik atau 20 bilik untuk ada kamar mandi, ada katil tempat tidur berehat, ada telefon dan sebagainya. Saya tak mahu komenlah, kerana kalau kita komen pun komen pada diri sendiri kerana keadaan bangunan ini.

Saya rasa sudah sampai masanya kita perbaiki sedikit sebanyak, walaupun kerajaan peka terhadap Bangunan Parlimen tetapi kadangkala saya lihat juga bangunan ini tidak begitu sempurna. Jadi saya rasa pihak Urusetia Parlimen lebih faham dengan keadaan ini. Saya mohon sangatlah bukan kami hendak selesa, kadang-kadang kami bila sudah check-in di hotel itu lambat sedikit keluar pun tak apa, pukul 2.00 petang baru sampai ke mari pun tak apa. Tetapi waktu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak katakan datang dengan flight pukul 11.00 pagi sampai di Subang, lepas itu tak sempat hendak check-in, kena ke mari, jadi kalau boleh dapat mandi sedikit, bersih, yang perempuan itu boleh berbedak (make-up) dan sebagainya. Jadi saya rasa semua wakil ahli Senat sama ada lelaki atau perempuan bersetuju dengan apa yang saya sarankan itu. Itu tentang Parlimen.

Saya rasa kalau saya hendak sentuh masih banyak lagi, tetapi saya lihat banyak Ahli Yang Berhormat hendak bercakap dan ada yang telah pun bersedia untuk bangun, saya rasa saya tidak mahu bercakap lebih panjang lagi. Sekali lagi pesanan saya terakhir kepada semua rakyat Malaysia supaya berjimat. Saya bukan mengingatkan diri orang, diri saya pun saya beringat, kerana kalau dahulu saya ingat hendak tukar Mercedes buruk saya itu kerana saya sudah pakai empat tahun. Nasib baik saya tak jual, kalau saya jual, saya kena hutang lagi RM200,000 lebih, mana hendak cari duit. Saya businessman yang kecil, bukannya multi millionaire. Jadi saya sendiri pun mengingatkan diri saya supaya berjimat dan saya mengurangkan perbelanjaan seharian kerana keperluan anak-anak lebih penting daripada keperluan peribadi saya. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh lari daripada tanggungjawab kita kepada rakyat. Rakyat adalah merupakan penting kepada diri kita terutama kepada wakil-wakil rakyat kerana mereka merupakan nadi negara, menjana ekonomi, menjana macam-macam. Kalau tidak ada rakyat yang sempurna, saya rasa negara pun tidak sempurna. Kalau rakyat semua menderita, kita pun menderita. Pemimpin-pemimpin akan menderita, pemimpin-pemimpin akan merudum kalau rakyat juga merudum. Jadi dengan itu, saya ingin memesankan kepada semua rakyat Malaysia supaya lebih berjimat dan berhemat, tidak mempergunakan wang sewenang-wenangnya yang boleh.

Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang.

5.38 ptg.

Tuan Janggu Anak Banyang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang telah dibentangkan sebentar tadi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita merangkap Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Dewan yang mulia ini.

Sebelum saya memberi perbahasan yang selanjutnya, saya dahulu akan menyokong usul yang telah dibuat semalam oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman menyokong penuh dan berdiri teguh terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang kita kasihi. Saya juga dengan ini sebagai wakil dari negeri Sarawak dan juga wakil kepada kaum bangsa Iban di negeri Sarawak berdiri teguh menyokong penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Semenjak beliau menyandang kepimpinan negara kita Malaysia ini, kita telah menikmati beberapa pembangunan yang telah kita alami. Dengan ini, saya sekali lagi menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini juga kita telah amat dukacita kerana mulanya tahun ini negeri Sarawak telah dilanda oleh penyakit yang dikatakan virus coxsackie yang telah merebak di negeri Sarawak dan sedikit di negeri Semenanjung ini. Walau bagaimanapun, masalah ini telah dapat kita atasi serba sedikit, tetapi saya berharap beberapa kajian secepat mungkin boleh dapat kita mengatasi penyakit virus coxsackie ini. Dan juga dalam bulan September yang lalu, tahun ini juga, kita telah dilanda oleh jerebu malangnya negeri Sarawak yang lebih teruk. Oleh itu, darurat telah diisytiharkan di negeri Sarawak oleh kerana jerebu masuk merangkap ke negeri Sarawak. Dengan ini, tahun ini juga kita telah dicengkam oleh krisis nilai mata wang. Saya berharap perkara ini berlaku adalah bukan kehendak kita, tetapi ini secara gaya usaha dan gaya kemajuan yang telah melanda tetapi malangnya kita tidak bernasib baik oleh kerana terlibat dalam krisis kejatuhan nilai mata wang kita. Kita juga tidak teruk seperti negeri Thai, Indonesia, Filipina dan Korea Selatan tetapi kita bernasib baik oleh kerana pendapatan atau kestabilan ekonomi kita masih kukuh. Dengan itu saya ucap berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita yang prihatin untuk menjaga dan mengukuhkan kestabilan ekonomi kita.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, kita telah tahu kita akan mengurangkan pengimportan barang-barang dari luar negeri tetapi mentaliti kita orang Malaysia kalau kita hendak barang dari luar negeri, kita kena ingat ini barang buatan Amerikakah, buatan Englandkah, mentaliti kita hendak barang dari luar negeri. Tetapi kalau kita memikirkan barang itu kita dapati di negara Malaysia, apa sebab kita tidak dapat menggunakan barang itu untuk kegunaan kita seperti dalam macam-macam pembangunan di negara kita ini.

Kita mengambil contoh seperti baju. Sebenarnya baju dijual di UK atau di USA adalah dibuat di Hong Kong atau kadang-kadang macam kasut Bata juga dibuat di sini dan ia akan dijual di luar negeri. Oleh itu, saya berharap kita tidak perlu membeli seperti kasut Bally di luar negeri atau diimport ke sini tetapi kita boleh menggunakan barang-barang sendiri sama ada dari Bata, dari Fung Keong, kedai-kedai yang membuat kasut itu boleh menjimatkan perbelanjaan mengimport barang dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh baru-baru ini mengenai kenaikan membaharui pasport atau memohon pasport perjalanan antarabangsa, ini saya fikir adalah tidak munasabah oleh kerana kebanyakan rakyat jelata yang menggunakan pasport seperti orang-orang di Sarawak akan pergi ke negara jiran untuk mencari pekerjaan atau mencari rezeki yang lebih lumayan itu telah membebaskan mereka. Sepatutnya pasport ini tidak dinaikkan seperti lesen. Saya berharap kementerian berkenaan memikirkan semula tidak menaikkan membaharui atau memohon pasport seperti ini. Oleh itu, kebanyakan kaum Iban di negeri Sarawak seperti saya sebut tadi berhijrah ke negara jiran seperti Brunei menggunakan pasport, maka mereka yang hendak menggunakan pasport perlu membayar lebih. Saya berharap dengan ini juga saya minta kerajaan memberi perhatian kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh lagi bahagian pendidikan. Ini yang perlu dan telah disebutkan tadi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita menyatakan kita tidak akan menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri, lebih-lebih lagi ke Eropah, ke Amerika, ke Australia oleh kerana ini melibatkan perbelanjaan yang lebih banyak. Tetapi saya kawatir, tadi saya melihat di dalam surat khabar menyatakan pensyarah-pensyarah yang sedia ada setakat ini dalam institusi-institusi tinggi itu tidak berwibawa. Saya berharap ini tidak akan berlaku apabila IPT ditubuhkan kelak, harap kita dapat pensyarah-pensyarah yang berwibawa untuk penuntut-penuntut di negara kita ini.

Oleh itu saya juga ingin menyentuh kebanyakan sekolah di luar bandar seperti di negeri Sarawak yang kebanyakannya sekolah rendah usang setakat ini, tetapi malangnya tidak berapa banyak usaha kerajaan pusat atau kerajaan negeri untuk membaikpulih atau menaiktarafkan sekolah-sekolah itu yang sebenarnya dibuat daripada kayu. Oleh itu, timbul banyak masalah oleh kerana kalau musim hujan tengkujuh ini kebanyakan rumah itu menjadi tempat berteduh ketika hujan. Oleh itu saya berharap Kementerian Pendidikan memberi perhatian yang serius kepada sekolah-sekolah yang usang di pedalaman itu.

Seperti juga tempat-tempat penginapan guru-guru yang betul-betul usang, yang tidak mampu didiami, oleh sebab itu guru-guru dan kakitangan sekolah tidak mampu menduduki tempat-tempat itu. Saya berharap Kementerian Pendidikan juga mengambil perhatian yang berat dan lebih serius untuk keselesaan guru-guru, lebih-lebih lagi guru-guru yang mengajar di luar bandar. Pada masa itu juga apabila guru-guru menggunakan rumah quarters itu, mereka akan dipotong 10% dari gaji mereka, ini tidak berpatutan. Kalau kita melihat sendiri ke pedalaman, saya fikir ini tidak wajarlah mereka dipotong 10% dari gaji mereka kerana mereka menduduki tempat-tempat itu yang tidak sesuai dan tidak selesa.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh apabila kita menyebut sekolah-sekolah kita akan menaikkan taraf kepada mereka yang menggunakan komputer, malah di pedalaman juga kita tidak dapat menikmati alat-alat seperti komputer atau electricity oleh kerana tidak ada jana kuasa elektrik di sekolah-sekolah pedalaman. Ini akan merunsingkan. Bagaimana kita akan mengatasi masalah ini? Saya berharap kementerian juga bukan hanya di bandar kita dapat memberi manfaat kepada murid-murid sekolah itu tetapi kita kena fikir secepat mungkin bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini untuk murid-murid, penuntut-penuntut di sekolah luar bandar.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, environment, dengan izin. Environment untuk belajar pun telah tidak dapat 'not conducive to learning', dengan izin, bagaimana kita menganggap murid-murid di luar bandar dan bandingkan di bandar. Itulah saya berharap Kementerian Pendidikan juga mengambil perhatian perkara ini. Dan juga guru-guru yang muda tidak ada pengalaman, yang tua dihantar balik ke bandar, tempat-tempat itu kadang-kadang guru muda tidak mahu berkhidmat di luar bandar, itu menjadi satu masalah di negeri Sarawak. Saya berharap apabila guru-guru pelatih sudah tamat kursus di maktab-maktab tersebut mesti berkhidmat dan mesti menolong kepada mereka di pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh kebanyakan laporan dalam peperiksaan ia menyeluruh di negeri Sarawak, kebanyakan kelulusan dalam satu-satu sekolah tidak memuaskan. Dalam tiga empat buah sekolah, percentage yang dapat lulus hanya 50% dibandingkan di bandar-bandar. Saya harap ini akan diambil perhatian dan diteliti apa sebab masalah ini boleh terjadi di dalam kawasan-kawasan luar bandar. Saya berharap kementerian ini mengambil perhatian lebih penting dalam menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh lagi belanjawan kita dalam tahun 1998 kerana kebanyakan peruntukan ini telah dipotong 18%, tetapi saya berharap ini tidak menjejaskan projek-projek seperti yang telah disebut baru-baru ini yang baru dijawab. Yang penting sekali ialah jambatan menyeberangi Sungai Rajang di Sarawak, iaitu di Durin, sepatutnya dilaksanakan secepat mungkin. Saya telah difahamkan walaupun pihak kerajaan sudah memberi kelulusan kepada konsortium ini daripada tiga buah konsortium, saya berharap perkara ini tidak dilambat-lambatkan untuk membina jambatan ini. Oleh kerana itulah hanya kepentingan di Sarawak menghubungi daripada negeri Sabah, Brunei Darussalam, Miri hingga ke Kuching. Di Sarawak hanya satu sahaja jalan raya tetapi ini bukan highway yang digunakan untuk menembusi daripada Sabah ke Kuching. Oleh itu, dalam masa-masa perayaan atau musim Tahun Baru Cina atau Hari Raya dan Hari Perayaan Gawai kebanyakan orang menggunakan jambatan ini. Setakat ini untuk menyeberang sungai ini kita hanya menggunakan feri. Kadangkala dalam masa perayaan seolah-olahnya feri rosak. Itu menimbulkan masalah. Kita hanya menunggu empat atau lima jam untuk menunggu giliran kita menyeberang ulang alik di sungai itu.

Saya mengambil berat hal ini dan saya berharap kerajaan, lebih-lebih lagi Jabatan Kerja Raya mementingkan jambatan ini dan memanggil mereka walaupun ekonomi kita merosot, inilah satu perkara yang penting untuk rakyat di Sarawak. Saya juga ingin menjemput menteri berkenaan ke Sarawak untuk melihat sendiri bagaimana keadaan perkhidmatan feri di Durin itu yang menimbulkan masalah semasa perayaan. Oleh itu, saya berharap ini tidak akan ditangguh-tangguhkan lagi. Perkara ini telah banyak kali disebut dalam Dewan yang mulia ini bahkan juga disebut dalam Dewan Rakyat, saya berharap perkara ini tidak tertangguh lagi.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, tidak ketinggalan juga bekalan elektrik harus dibina dan bekalan air juga di pedalaman oleh kerana orang pedalaman ingin juga bersama-sama untuk menikmati pembangunan yang sedia ada. Oleh itu, saya berharap pembangunan seperti ini kita tidak harus memotongnya kerana orang di pedalaman pun tidak selesai di dalam bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga perkara oleh kerana kita akan menempuh tahun baru 1998, kita akan mengadakan Sukan Komanwel. Sepatutnya Sukan Komanwel ini bukan hanya menerima pendatang-pendatang mengunjungi sukan ini, tetapi malangnya juga saya telah difahamkan tidak banyak iklan telah disebar melalui TV atau luar negara untuk mempromosikan Sukan Komanwel kita di negara ini. Walaupun kita diperuntukkan sedikit sebanyak untuk mempromosi atau menjayakan sukan ini, tetapi saya berharap kementerian berkenaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan boleh memberi iklan ini yang lebih serius untuk menarik peminat-peminat sukan dan pelancong-pelancong ke dalam negeri untuk mencebur diri atau untuk membawa wang mereka masuk ke dalam negara kita Malaysia ini.

Selain daripada itu, Sukan Komanwel ini bukan sahaja dilakukan di Kuala Lumpur tetapi di negeri-negeri lain juga diadakan. Tetapi malangnya di negeri Sarawak dan Sabah tidak terlibat dengan ini. Saya tidak kluatir oleh kerana apabila mereka yang melawat ke sini, saya berharap mereka akan melawat ke negeri Sarawak selepas menyaksikan perlawanan sukan Komanwel ini. Oleh itu, kebanyakan tarikan pelancong di Sarawak bukannya seperti Mulu tetapi di pedalaman seperti Kapit, Sekerang dan lain-lain, itulah menarik pelancong. Di Sarawak juga kalau mereka hendak melihat barang-barang wild life, dengan izin, boleh pergi juga ke Sarawak kerana Sarawak berdekatan dengan Kalimantan, setakat ini banyak binatang yang telah lari kerana jerebu masuk ke negeri Sarawak. Saya fikir setakat ini banyak binatang-binatang liar datang ke negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai kebudayaan. Negeri Sarawak juga tidak ketinggalan kebudayaan. Baru-baru ini kita telah membaca dalam surat khabar sejenis muzik dinamakan Sape yang dibuat daripada kayu dan keunikannya yang telah disebut dan telah dipamerkan di negeri Perancis baru-baru ini telah menerima sambutan yang menggalakkan. Oleh itu saya berharap jenis muzik ini juga akan menarik pelancong ke negara kita Malaysia dan Sarawak amnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh sedikit berkenaan Kementerian Kesihatan. Walaupun Kementerian Kesihatan telah diperuntukkan RM3,494,774,000, saya berharap Kementerian Kesihatan harus memikirkan kepakaran yang perlu digunakan untuk hospital umum kita di negeri ini. Saya telah difahamkan sedikit sebanyak kebanyakan kepakaran doktor-doktor kita tidak mencukupi. Oleh itu kita akan menunggu bergilir-gilir untuk merawat pesakit-pesakit, tetapi malangnya segelintir pesakit tidak dapat menunggu giliran mereka untuk dirawat secepat mungkin kerana tidak ada doktor pakar untuk

mengubati mereka itu. Saya berharap dengan ini peruntukan kesihatan bolehkah kementerian ini mengambil perhatian minta pakar-pakar dari luar negeri untuk berkhidmat di hospital umum kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga mengenai wad khas yang telah disebutkan dalam belanjawan ini kepada hospital swasta. Berapakah jumlah hospital-hospital swasta yang telah membuat wad khas untuk para pesakit mereka yang tidak mampu menikmati wad ini. Saya ingin minta penjelasan dari Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh bahagian pertanian. Yang penting sekali kita manusia sentiasa mengguna makanan. Setakat ini oleh kerana ekonomi kita merosot, kita pun telah difahamkan tadi oleh Setiausaha Parlimen, kita mengimport barang seperti jagung, barang-barang lain dari luar negeri, ini melibatkan banyak perbelanjaan mengimport di negara ini. Bukankah tanah yang lapang, tanah yang besar di negara Malaysia kita ini patut diterokai, patut ditanam dengan macam-macam jenis buah-buahan dan sayur-sayuran dan akuakultur seperti, dengan izin, breeding udang dan ikan untuk kegunaan kita sendiri.

Saya telah melihat jikalau kita pergi ke supermarket atau ke market, kita melihat kebanyakan buah-buahan dari luar negara kita import. Kita seharusnya mengira berapa banyak wang keluar untuk mengimport barang itu, seperti mengimport apple, grape, mango dari luar negara. Sepatutnya kita dapat juga menanam besar-besaran seperti pisang, betik, nanas, rambutan kita dapat kerana kita ada banyak tanah, apa sebab kita tidak dapat? Saya khuatir apa sebab kebanyakan barang-barang yang kita perolehi di negara kita ini tidak dapat meningkatkan eksport kita ke negara-negara lain untuk mengatasi masalah ekonomi kita ini. Saya berharap Kementerian Pertanian mengambil perhatian hal ini oleh sebab kebanyakan barang-barang ini kita dapat menikmati dan dapat mengurangkan mengimport barang-barang lain seperti jagung. Jagung kita dapat tanam meluas-luasa, bukan hanya kita mengimport jagung dari China atau dari Thailand. Itu saya fikir tidak seharusnya kita bergantung kepada mereka, kita boleh tanam.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya ingin hendak sentuh mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ini penting pada fikiran saya oleh kerana kebanyakan ini menggunakan peruntukan yang lebih banyak untuk digunakan bagi pembangunan kawasan luar bandar, lebih-lebih lagi rakyat yang miskin tidak mampu dan tidak berdaya upaya, kita harus tidak lupa kepada mereka yang miskin ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Norjan.

6.09 ptg.

Datuk Norjan binti Khan Bahadar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini dan menyokong membahaskan Belanjawan 1998 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan iaitu Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedia maklum krisis ekonomi semasa rantau ini telah bermula dari kejatuhan mata wang pada bulan Julai lalu akibat serangan mata wang Thailand oleh penyangak-penyangak mata wang yang menggunakan, dengan izin, hedge fund telah merebak ke negara-negara rantau Asia Timur termasuk Malaysia.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada orang minta laluan.

Datuk Norjan binti Khan Bahadar: Ya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin mendapat penjelasan sama ada kita bahas Belanjawan ataupun Rang Undang-undang Perbekalan 1998?

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Sama ada sekarang ini kita bahas Belanjawan ataupun Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu telah katakan tadi yang telah pun dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Datuk Norjan binti Khan Bahadar: Ya, ini Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Norjan binti Khan Bahadar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, hedge fund telah merebak ke negara-negara rantau Asia Timur termasuk Malaysia. Ini telah menyebabkan beberapa negara Asia yang dilanda ribut mata wang ini meminta bantuan dari dana IMF untuk membantu memulihkan ekonomi masing-masing. Bagi negara kita krisis sebagaimana yang kita semua maklum kini telah mengakibatkan kejatuhan nilai mata wang negara, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Penurunan nilai mata wang dan pasaran saham BSKL turut memberikan kesan negatif terhadap

ekonomi negara kita, penurunan nilai Ringgit dan pasaran. Pertukaran mata wang asing telah meningkatkan tekanan inflasi kepada negara kita. Kejatuhan pasaran saham pula telah menggugat keutuhan sistem perbankan negara. Seterusnya keadaan ini harus ditangani sebaik mungkin dan penuh bijaksana supaya keyakinan pelaburan untuk menanam modal dan berusaha niaga di negara kita dapat ditingkatkan. Krisis ini telah menunjukkan bagaimana pesatnya sesuatu krisis ekonomi merebak ke negara lain akibat proses globalisasi ekonomi dan situasi dunia tanpa sempadan ini juga telah menyebabkan negara kita terdedah kepada ketidakpastian dan cabaran yang pelbagai.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu dalam menghadapi kemelut kejatuhan nilai Ringgit di pasaran pertukaran mata wang asing, pasaran saham dan kegawatan ekonomi ini kita amat memerlukan komitmen pelbagai pihak di pelbagai peringkat termasuk sama ada di peringkat nasional dan negeri. Di samping itu, sektor swasta dan orang perseorangan perlu turut memainkan peranan yang sama penting dalam menghadapi cabaran ini bagi memastikan ia tidak berterusan dan sentiasa dalam keadaan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi krisis ini kita amat mengalu-alukan sokongan telah ditunjukkan kepada pucuk pimpinan negara oleh segenap lapisan Malaysia tanpa mengira keturunan, bangsa, agama, fahaman politik dan kawasan. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam menghadapi krisis ekonomi sekarang negara memerlukan kepimpinan yang benar-benar berwibawa yang mampu menentukan arah haluan dan dapat membuat serta melaksanakan keputusan tegas demi untuk menentukan ekonomi negara berada di atas landasan yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya rakyat bersedia bersama-sama pucuk pimpinan negara sehaluan dan senada dalam menghadapi krisis ekonomi yang melanda negara dan masa ini, insya-Allah, kita akan berupaya bukan sahaja dalam mengatasi krisis ini bahkan negara akan keluar dari krisis ini dengan lebih teguh, berdaya tahan, berdaya saing dalam ekonomi dunia dan seterusnya dapat meneruskan agenda membina negara dan bangsa bagi mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan padu rakyat jelata ini ternyata amat diperlukan di saat-saat genting yang sedang kita hadapi masa kini. Sekiranya rakyat berpecah belah, keupayaan kepimpinan negara untuk memulihkan ekonomi negara sudah tentu akan tergugat. Kita telah perhatikan bagaimana krisis ekonomi yang telah mencetus krisis kepimpinan di negara jiran kita telah menyebabkan timbul keraguan dari kalangan pelabur terhadap keupayaan para pemimpin tersebut untuk memulihkan ekonomi negara mereka walaupun selepas menerima bantuan dari IMF. Kita perhatikan juga

bagaimana tahap credit rating bagi negara tersebut telah beberapa kali diturunkan oleh para agensi credit rating antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negara kita pula bukan sahaja kita masih lagi berupaya bertahan tanpa perlu meminta bantuan dana dari IMF bahkan kita juga sebenarnya adalah antara penyumbang kepada dana yang akan digunakan untuk membantu negara-negara jiran dalam mengatasi kemelutan ekonomi masing-masing. Saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya peraturan-peraturan tertentu diwujudkan bagi mengawal kegiatan, dengan izin, hedge fund juga kini sudah mula diambil perhatian yang serius oleh pemimpin-pemimpin dunia. Di samping itu, baru-baru ini dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Geneva pada 5 Disember 1997, WTO sendiri telah mengakui bahawa ekonomi Malaysia sebenarnya masih lagi kukuh. WTO juga menyatakan keyakinan atas kemampuan negara untuk mengatasi krisis mata wang dan pasaran saham yang kini melanda Asia. Ini menunjukkan pucuk pimpinan negara sememangnya berkemampuan untuk menangani krisis ekonomi yang sedang melanda negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya selaku wakil dari Sabah ingin mengucapkan syabas kepada kepimpinan negara. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru supaya kita rakyat Malaysia sentiasa memberikan sokongan yang padu tanpa berbelah bahagi kepada pucuk pimpinan negara yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Timbalan beliau, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia haruslah bersedia untuk mengorbankan kepentingan masing-masing dan memberikan sokongan padu kepada segala usaha kerajaan untuk mengatasi krisis ekonomi sekarang terutamanya langkah-langkah yang telah digariskan dalam Belanjawan bagi tahun 1998 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ini termasuklah langkah-langkah yang amat pahit dalam jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Negara tahun 1998 ini telah menekankan langkah perbelanjaan berhemat, pengurangan perbelanjaan mengurus dengan potongan sebanyak 2% ke atas perbelanjaan jabatan termasuk potongan sebanyak 30% ke atas perbelanjaan lawatan keluar negeri dan potongan di antara 10% hingga 15% bagi perbelanjaan harian jabatan adalah amat dialu-alukan. Penekanan ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam menghadapi kemelutan dan kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang. Begitu juga langkah drastik pihak kerajaan dalam menghadapi keadaan ini melalui pengurangan sebanyak 18% daripada perbelanjaan dalam Belanjawan 1998 adalah

amat bersesuaian, tepat pada masanya dan adalah satu langkah berani yang tidak mungkin dapat dilaksanakan sekiranya pucuk pimpinan yang tidak mungkin dapat dilaksanakan mendapat kepercayaan dan sokongan padu daripada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya selaku wakil dari Sabah juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di peringkat negeri Sabah pucuk pimpinan kerajaan yang diterajui oleh Barisan Nasional juga telah merancang langkah-langkah kerajaan yang saling melengkapi usaha yang telah dirancang di peringkat pusat. Umpamanya kita perhatikan, Kerajaan Negeri Sabah amat prihatin dan komited terhadap langkah berjimat cermat yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat. Di pihak kerajaan negeri tindakan yang demikian juga telah turut dilakukan. Pendekatan perbelanjaan berhemat diberikan penekanan yang sama dalam belanjawan negeri Sabah bagi tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah yang telah diambil termasuklah menjimatkan perbelanjaan lawatan ke luar negeri, penggunaan kereta Proton Perdana sebagai kereta rasmi kerajaan, menggubal dasar menggalakkan penggunaan barangan dan perkhidmatan tempatan seperti perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MSC), di samping itu semua arahan kerajaan terutama yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan kewangan akan dikuatkuasakan dengan lebih berkesan lagi. Kita juga telah dimaklumkan bahawa projek-projek pembangunan kerajaan negeri juga akan dikaji semula supaya lebih berkesan dan sesuai dengan keadaan ekonomi masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu juga kita yakin bahawa jawatankuasa pelaksana langkah berjimat cermat dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan negeri Sabah yang baru sahaja ditubuhkan dapat memastikan segala usaha yang diambil dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Apa yang perlu adalah komitmen pelbagai pihak dalam hal ini menjadi penentu kepada keberkesanan pelaksanaan dan ini jelas menunjukkan sokongan padu pucuk pimpinan kerajaan negeri kepada kepimpinan negara dan mengatasi kemelutan ekonomi masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, dalam menghadapi cabaran dan tekanan seumpama ini aspek pembangunan memainkan peranan yang amat penting. Sehubungan dengan ini, peruntukan perbelanjaan pembangunan dalam belanjawan Kerajaan Persekutuan dan negeri telah turut memberikan penekanan terhadap pembangunan kawasan luar bandar. Penekanan ini sememangnya amat wajar dan dialu-alukan terutama bagi negeri Sabah yang masih lagi mempunyai kadar kemiskinan

luar bandar yang tinggi, di samping itu kawasan luar bandar juga boleh dibangunkan dan seterusnya dapat menyumbangkan ke arah mengurangkan import bahan-bahan makanan melalui pembangunan pertanian. Lebih hasil pertanian bolehlah dieksport dan seterusnya dapat meningkatkan tukaran mata wang asing dan seterusnya boleh mengurangkan kadar defisit dalam imbang akaun semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan ini juga usaha membangunkan industri kecil dan sedernana (IKS) melalui pemberian peruntukan sebanyak RMI bilion dalam Belanjawan 1998 amat bersesuaian dengan aspirasi yang mewujudkan golongan usahawan kelas menengah dan membangunkan kawasan luar bandar. Ini adalah kerana dengan adanya penekanan seumpama ini akan menggalakkan lagi perkembangan kegiatan ekonomi dan menggalakkan penyertaan rakyat secara keseluruhannya, khususnya di kawasan luar bandar dalam mengatasi kemelutan ekonomi. Proses ini seterusnya akan mampu mewujudkan peluang-peluang peniaga di luar dan seterusnya meningkatkan bilangan golongan kelas menengah di kalangan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan aspirasi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah juga turut berusaha ke arah ini. Oleh itu, bagi memastikan usaha ini benar-benar mencapai dan boleh dilaksanakan secara berkesan, penyediaan peruntukan adalah diutamakan. Adalah diharapkan dengan peruntukan untuk membangunkan IKS dalam belanjawan negeri dapat turut dikecapi oleh rakyat di negeri Sabah terutamanya masyarakat luar bandar. Usaha ini adalah selaras dengan usaha untuk mewujudkan golongan kelas menengah di kalangan masyarakat bumiputera dan golongan usahawan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, atas hujah-hujah yang telah saya bentangkan tadi, saya dengan ini menyokong agar Belanjawan Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim merangkap Menteri Kewangan, dengan ini disokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

6.27 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya turut berbincang menyokong rang undang-undang yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita berdepan dengan keadaan ekonomi yang begitu membimbangkan di mana nilai mata wang kita digugat oleh unsur-unsur luar dan sebagai rakan kepada

negara-negara di rantau ASEAN, kita amat kagum dengan tindakan yang begitu pantas dan cepat yang dibuat oleh pihak kerajaan bagi mengatur langkah untuk memberanikan diri berdepan dengan masalah-masalah yang kita hadapi dengan mengadakan Kertas Putih yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dua hari sudah menunjukkan betapa pekanya kita, prihatinnya kita dalam mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan kita baru sahaja dibentangkan, dalam pada masa yang sama apabila kita tidak mendapat reaksi daripada dunia bahawasanya keyakinan itu kembali kepada negara kita untuk pelabur-pelabur dan juga nilai mata wang kita kembali kepada tahap yang lama, pasaran kita kembali kepada tahap yang lama, apabila ini tidak berlaku, cepat-cepat kita mengatur langkah bukan sahaja di dalam negara kita sendiri sepertimana apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan menerusi Kertas Putih baru-baru ini, tetapi juga dengan rakan-rakan seperjuangan di rantau Asia. Ini saya hendak ucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kita dan pemimpin kita yang dapat menjalankan usaha-usaha seperti ini. Kita bermula dengan senario ekonomi di rantau ini. Kita dapati apabila rakan kita di Thailand jatuh, kita bantu dengan apa sahaja yang kita boleh buat. Begitu juga dengan Indonesia kita beri bantuan, tidaklah sebesar apa yang dilakukan oleh Singapura dan negara-negara lain, tetapi kita beri bantuan kerana kita percaya adalah hasrat kita untuk hendak mengayakan dan memudahkan dari segi perjuangan negara-negara jiran kita bersama. Kita ini bukannya kuat sangat, tetapi dengan adanya semangat untuk hendak membantu rakan-rakan kita, rakan-rakan seperjuangan di rantau ini bagi menguatkan keyakinan orang luar ke rantau ini, bukan ke Malaysia, kerana Malaysia setakat ini diambil kira oleh pelabur-pelabur luar sebagai sebahagian daripada rantau Asia yang sekarang ini dihakiskan keyakinannya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengutarakan hujah-hujah supaya kita memotong dari segi pendapatan menteri-menteri kita, ini semuanya simbolik. Tetapi yang lebih penting rasa saya ialah untuk kita mengkaji semula Belanjawan yang baru dibentangkan, RM64 bilion itu kita kaji semula, selepas itu kita dapati kemungkinan 18% terpaksa kita potong, baik dari segi pengurusan mahupun dari segi pembangunan. Kita diberitahu sungguhpun kita memotong dari segi belanjawan ini, tetapi apabila kita kaitkan dengan pendidikan dan kesihatan, kualiti hidup, perkara ini kita tidak sentuh. Saya ucapkan syabas kerana amat perlu sungguhpun kita memotong sebahagian daripada belanjawan yang kita buat secara pilih-pilih, tetapi yang penting bagi kita supaya dalam keadaan kita susah sekarang ini kita bersedia menghadapi masa

senang akan datang dan apa yang patut kita buat sekarang tidak menyentuh dari segi Kementerian Pendidikan misalnya, sebaliknya kita patut tingkatkan lagi. Saya hendak kaji sebentar lagi apakah dia yang patut kita tingkatkan dari segi Kementerian Pendidikan kerana kita hendak melahirkan generasi berilmu untuk meningkatkan total factor productivity.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam sudah 6.30 petang.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum kita menangguhkan Majlis ini, saya hendak mengetahui lebih kurang berapa ramai lagi hendak bercakap berkenaan Budget 1998 ini? [*ramai ahli mengangkat tangan*] Oh, ramai. Kita ada tiga hari, barangkali kita harus hadkan masa, 10 minitkah satu orang bercakap, ringkaskan sedikit dan isi-isi yang telah pun disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak payah diulangi. Saya harap tidak lebih daripada 10 minit, kalau boleh ringkaskanlah.

Majlis ditangguhkan pada besok hari, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.